

No. Koleksi: 50162
No. Pengarahan: 1739
Tarikh:

TELAKUAN
KA ALAM SOSIAL DAN UNDANG-UNDANG DI ALAM
(DENGAN MUJAHID AS DIFULAUPIKAN)

OLEH

Shaik Mohamed bin Mohd. Sahed

S88681

KER TAS INI DITULISSE BAI MEMERINTAHAN DARIPADA
KEHENDAK UNTUK IJAZAH LL.B (RN'S), DI
FAKULTI UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI MALAYA
SETEMBER 1976

PERPUSTAKAAN
JABATAN ANGKOPOLIGI DAN SOSIOLOGI

PERAKUAN KEIZINAN

Dalam mengemukakan Kertas Projek ini bagi memenuhi sebahagian dari kehendak-kehendak Peraturan untuk mendapat ijazah Sarjana Muda Undang-Undang, Universiti Malaya, saya yang bertandatangan di bawah, dengan ini mengesahkan bahawa saya telah bersetuju supaya perpustakaan-perpustakaan di Universiti Malaya memberi kebenaran dengan bebasnya kepada sesiapa yang hendak membuat rujukan dan kajian ataupun untuk rujukan dan kajian terhad. Seterusnya, saya juga bersetuju bahwasanya kebenaran untuk menyalin, memadan, menyedut atau menggunakan bahan-bahan kajian dalam Kertas Projek ini untuk maksud-maksud akademik bolehlah dibenarkan oleh Dekan, Fakulti Undang-Undang mengikut budibicaranya. Adalah difahamkan bahawa penyalinan atau pencitakan Kertas Projek ini dalam apaja bentuk sekalipun untuk maksud-maksud keuntungan tidaklah dibenarkan, melainkan dengan kebenaran bertulis dari saya.

Fakulti Undang-Undang
Universiti Malaya.

.....
(SALIK MOHAMED BIN MOHD. SAID)

September 1976.

PENGHARGAAN

Pemulis ingin menyampaikan rasa terima kasihnya yang tidak terhingga kepada saudara K. Ganesan yang telah meluangkan banyak daripada masanya menolong dalam menjayakan penulisan kertas projek ini. Rasa terima kasih juga ingin disampaikan kepada pehak Polis di Raja Malaysia, Pulau Pinang dan terutama sekali kepada Inspektor C. Chandramalar, Jabatan Immigeresyen, Pulau Pinang, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pulau Pinang dan Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam, Pulau Pinang.

Penghargaan juga diberikan kepada pelacur-pelacur yang telah memberikan kerjasama dalam menyediakan maklumat-maklumat didalam temuduga-temuduga yang dijalankan.

Kepada Encik Arif Yusof, pemulis ingin mengucapkan terima kasih atas bimbingannya dalam menulis kertas ini, dan akhir sekali kepada semua yang telah memberikan pertolongan kepada penulis.

KANDUNGAN

| | |
|--|-----|
| <u>MUKA TAJUK</u> | 1 |
| <u>PENGHARGAAN</u> | ii |
| <u>KANDUNGAN</u> | iii |
| <u>PENGENALAN:</u> | |
| Tujuan | 1 |
| Kaedah kajian | 7 |
| Masaalah-masaalah yang didapati dalam usaha mengumpulkan data | 10 |
| <u>BAB I: PELACUR</u> | |
| Definisi | 12 |
| Pelacur di Pulau Pinang | 14 |
| Sebab-sebab mengapa seseorang perempuan itu menjadi pelacur | 15 |
| <u>BAB II:UNDANG-UNDANG MENGENAI PELACURAN DI MALAYSIA</u> | |
| (a) Undang-undang dewasa ini mengenai pelacuran | 27 |
| (b) Sebab-sebab dan alasan-alasan bagi mengadakan undang-undang ini | 45 |
| (c) Perbandingan dengan sistem luar negeri dan saranan-saranan | 47 |
| <u>BAB III: AGENSI PENGUATKUASA UNDANG-UNDANG</u> | |
| (1) Jabatan Polis | 56 |
| (2) Jabatan Kebajikan Masyarakat | 70 |
| (3) Jabatan Immigeresyen | 77 |
| (4) Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam | 85 |

BAB IV: PEMULIHAN AKHLAK

| | |
|--|-----|
| (a) Keperluan untuk pemulihan | 88 |
| (b) Peruntukan undang-undang mengenai pemulihan | 91 |
| (c) Cara-cara pemulihan di jalankan dan teknik-teknik yang terdapat di Malaysia hari ini | 98 |
| (d) Saranan-saranan pembaharuan | 103 |
| <u>PENUTUP</u> | 112 |
| <u>LAMPIRAN 1</u> | 115 |
| <u>LAMPIRAN 11: Rujukan</u> | 117 |

PENGESANAN

PELACURAN

KAWAIIAN SOSIAL DAN UNDANG-UNDANG DI MALAYSIA (DENGAN RIJUKAN KHAS DI PULAU PINANG)

Tujuan

Penulisan kertas projek ini bertujuan untuk mengkaji masaalah-masaalah sebenarnya tentang kawalan-kawalan sosial dan undang-undang yang terdapat di Malaysia mengenai pelacuran. Barangkali banyak diantara kita yang masih belum yakin bahawa masaalah pelacuran ini adalah satu masaalah 'serious' dan makin berkembang dari sehari ke sehari. Barangkali juga perkembangan pesat dilapangan pelacuran ini membuatkan masyarakat tidak ambil pusing langsung dengannya kerana ianya dianggap sebagai sesuatu yang sudah wujud dan akan terus wujud didalam masyarakat dan bumi ini. Ataupun bolh dikatakan bahawa masyarakat yakin yang soal menghapuskan pelacuran adalah soal yang mustahil dan dari itu lebih baik lupukan sahaja. Perkembangan pelacuran di Pulau Pinang adalah jelas. Misalnya, salah satu daripada akibat perkembangan pelacuran ialah berkembangnya penyakit kelamin dan di Pulau Pinang⁽¹⁾ di tahun 1975 kes-kes penyakit kelamin ini telah bertambah sebanyak 307 orang. Pegawai Penerangan Lembaga Perancang Keluarga Negeri⁽²⁾ mengatakan bahawa dari hasil kajian pehaknya, didapati bahawa kelasi-kelasi kapal yang berlabuh disini suka mencari perempuan-perempuan lacur.

(1) Kertas projek ini dijalankan kerja amalinya di Pulau Pinang.

(2) Utusan Malaysia, Shb April, 1976.

Faktur kedua yang menyebabkan bertambahnya kadar penyakit kelamin di Pulau Pinang ialah kerana ramai terdapat pelancung-pelancung ala hippies dan faktur ketiga, mengikut pegawai berkenaan ialah kerana kedudukan Pulau Pinang yang berhampiran dengan Hadyai iaitu bandar yang terkenal dengan pelacuran di Thailand. Oleh hal yang demikian, ini dapat menggambarkan betapa perkembangan pelacuran di Bandaraya ini. Kalau kita lihat perangkaan tentang penyakit kelamin, kita akan dapati bahawa satu perkembangan yang pesat telah wujud.

Pertambahan V.D. Di Pulau Pinang

(3)

| TAHUN | JUMLAH |
|-------|--------|
| 1970 | 718 |
| 1971 | 859 |
| 1972 | 772 |
| 1973 | 743 |
| 1974 | 1648 |
| 1975 | 1955 |

Penulisan kertas projek ini juga akan menyentuh tentang kawalan-kawalan sosial dan undang-undang yang terdapat dewasa ini. Dalam soal ini akan dikaji persolan perjalanan organ-organ kerajaan dalam melaksanakan tugas-tugas mereka dalam mengawal pelacuran tetapi memandangkan kerada sifat masaalah ini, terpaksa lah disentuh beberapa perkara yang berkaitan dahulu sebelum persoalan undang-undang dipecahkan. Ini termasuklah tentang sifat kehidupan pelacur-pelacur itu sendiri.

Adalah dimaklumkan bahawa didalam usaha menghapuskan sesuatu masaalah sosial adalah paling berkesan kalau dapat dihapuskan punca-

(3) Perangkaan ini diperolehi dari Jabatan Kesihatan Sosial Pulau Pinang.

punca yang membawa kelahiran sesuatu masaalah itu. Sama halnya dengan pelacuran. Olih itu didalam kertas projek ini, akan cuba didapatkan sebab-sebab yang membawa kepada hadzirnya pelacuran. Ini akan dijelaskan dengan kajian-kajian kes yang dibuat melalui temuduga dengan pelacur-pelacur di Pulau Pinang ini. Di dalam konteks ini juga, akan dihuraikan soal bentuk dan jenis-jenis pelacuran yang wujud di negara ini. Kesemua soal ini akan dibincangkan didalam Bab I.

Bab II, kertas ini akan menumpukan perhatian kepada persoalan undang-undang mengenai pelacuran. Adalah ingin dinyatakan bahawa didalam aspek ini banyak kekaburuan yang timbul dan kebanyakannya dari ahli-ahli masyarakat belum atau tidak mengetauui tentang undang-undang mengenai soal ini. Lebih-lebih lagi belum banyak yang ditulis mengenai soal perundangan mengenai pelacuran. Didalam membicarakan undang-undang, akan dihuraikan tentang kawalan-kawalan undang-undang yang terdapat dewasa ini dan juga akan cuba dihasilkan beberapa saranan didalam soal ini.

Selama ini masyarakat telah menyalah-anggap bahawa pelacuran adalah sesuatu yang bertentangan dengan undang-undang. Kalau dikaji sedalam-dalamnya, tidak terdapat satu peruntukanpun didalam akta berkenaan⁽⁴⁾ yang mengatakan bahawa menjadi pelacur itu salah. Ini lebih jelas lagi kalau kita melihat akan dakwaan-dakwaan yang dibuat oleh pihak berkuasa keatas mereka yang ditangkap. Biasanya mereka didakwa dibawah kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan

(4) Akta Perlindungan Perempuan dan Sadies 1973, Akta Parlimen No:106.

pelacuran seperti "Illegal Soliciting" dan "Living On Immoral Earning." Cuma mereka yang melibatkan diri dengan pelacuran sahaja yang ditangkap, tidak pelacur-pelacur itu sendiri. Ketidakhadziran peruntukan yang berhubung terus dengan pelacur membuatkan satu tanda-tanya disini mengenai dengan "rationale" disebalik pembuatan undang-undang itu sendiri. Apa yang didapati buat masa ini adalah cuma bentuk kawalan yang belum tentu dapat menghasilkan satu keputusan yang memuaskan. Ini mungkin diakibatkan oleh kepercayaan yang popular iaitu adalah mustahil untuk menghapuskan pelacuran. Walau bagaimanapun didalam bab ini akan cuba dijelaskan kekaburan yang wujud dilapangan ini.

Agensi penguatkuasa undang-undang akan sentuh didalam Bab III⁽⁵⁾. Badan-badan ini adalah terlibat di dalam usaha mengawal perkembangan pelacuran dinegara ini. Kepada mereka lah dibebankan usaha-usaha melaksanakan undang-undang yang terdapat diwasa ini. Tidaklah begitu tepat kalau dikatakan bahawa badan penguatkuasa undang-undang bertungkus-lurus untuk menghapuskan pelacuran, tetapi adalah berpatutan kalau dikatakan bahawa terdapat beberapa bentuk kawalan didalam sistem penguatkuasa undang-undang untuk mengawal masaalah ini. Oleh hal yang demikian adalah menjadi sesuatu yang lumrah, dalam membincangkan hal badan-badan pengkuatkuasa undang-undang kita menyelidik samada cukup atau tidak cara-cara yang dijalankan masa ini. Harus juga ditentukan kadar berkesannya

(5) Agensi-agensi ini termasuklah Polis diRaja Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam dan Jabatan Imigresyen.

sistem yang terdapat diwasa ini, kerana dari sini sahaja akan dapat diketahui samada satu pembaharuan dikehendaki atau tidak. Lantaran itu kertas ini akan cuba merungkaikan masaalah-masaalah yang dihadapi didalam sistem ini, dan menyarankan beberapa pembaharuan.

Sebenarnya, sex adalah merupakan suatu mystery bagi orang-orang dahulu. Tetapi bagi manusia yang sudah tamaddun ianya adalah merupakan satu masaalah bagi mengawalnya agar dapat menghasilkan satu keharmonian sosial. Oleh hal yang demikian institusi perkahwinan telah merupakan suatu kanun kehidupan yang mana mengakibatkan satu tanggapan bahawa sex diluar perkahwinan adalah sesuatu yang berdosa. Tetapi dengan perkahwinan sahaja tidak dapat memulih kehendak semua dan akibatnya timbul golongan kaum perempuan yang menjualkan tubuh demi untuk memenuhi kehendak setengah golongan disamping mencari penghidupan. Oleh itu dapatlah dikatakan bahawa manakala perkahwinan merupakan akibat ketamaddunnan, pelacuran adalah hasil sampingannya.

Justeru itu, hakikat ini tidak dapat tidak membawa kepada anggapan bahawa penghapusan pelacuran adalah mustahil kerana ianya telah berkembang dengan tamaddun. Barangkali kerana itulah, banyak negara di dunia lebih mementingkan soal pemulihan pelacur-pelacur ini agar dapat menyedarkan mereka. Didalam kertas projek ini, soal pemulihan akhlak akan ditempuh didalam Bab IV.

Pandangan masyarakat dikala ini ialah apabila seseorang itu menjadi pelacur, ianya akan jadi pelacur seumur hidup. Dengan

kata lain, tidak ada kemungkinan lagi bagi mereka untuk balik kepangkuhan masyarakat. Masyarakat tidak memberi pandangan objektif terhadap pelacur-pelacur dan mereka dianggap pembawa penyakit masyarakat dan tidak dihormati sebagai individu yang mempunyai nilai hidup. Seseorang pelacur dianggap sebagai individu yang mempunyai moral yang rendah dan tidak ada maruah diri. Ditengah-tengah anggapan buruk masyarakat ini, seseorang akan merasa hairan apakah seseorang itu harus dikutuk tanpa menimbang semasaki-masaknya apakah punca-puncanya yang membuatkan seseorang itu melacurkan diri. Soalnya ialah bagaimana hendak dihapuskan kabus yang menutup pandangan masyarakat umum dan bagaimana dapat kita memberi peluang kepada bekas-bekas pelacur ini. Disinilah terpaksa kita menyentuh soal pemulihan akhlak.

Pemulihan akhlak adalah merupakan cara-cara untuk mengembalikan sifat-sifat jasmani dan rohani supaya seseorang itu dapat menjalankan kehidupan yang baru dengan harapan mereka akan diterima kembali dalam masyarakat umum.

Bab penutup penulisan ini akan membawa beberapa saranan kearah memperkuuhkan kedudukan undang-undang yang sedia ada dikala ini. Akan cuba dibuat satu kompromi diantara undang-undang dan "public policy" yang mementingkan "interest" masyarakat. Akan ditentukan beberapa kaedah bagaimana untuk menghasilkan kawalan yang cekap didalam memerangi masaalah pelacuran.

Kaedah kajian

Pengumpulan data

Beberapa pendekatan yang mungkin telah dijalankan dan kemudian pemilihan telah dibuat. Dalam soal ini telah dijalankan penyiasatan secara sendiri, iaitu kajian yang dibuat adalah dengan cara menemui pelacur-pelacur itu sendiri. Ini adalah merupakan satu tugas yang berat memandangkan kepada beberapa faktur.

Pertama sekali ialah, akibat dari sifatnya yang tidak sah disisi undang-undang⁽⁶⁾, menemui pelacur-pelacur di "Brothels" adalah tidak begitu mudah. Lantaran itu terpaksa lah dijalankan beberapa kaedah lain iaitu dengan membawa mereka yang mempunyai urusan dengan rumah-rumah pelacur ini. Ini termasuklah "pimps" yang menjadi pelindung pelacur dan dengan pertolongan setengah dari taukeh-taukeh hotel yang ada urusan dengan rumah-rumah pelacur ini. Telah dijalankan beberapa temuduga dengan pelacur-pelacur di kawasan-kawasan rumah-rumah pelacur ini, kebanyakannya pelacur-pelacur yang ditemui takut untuk menceritakan hal diri mereka kepada sebarang orang dan lantaran itu temuduga-temuduga secara "informal" terpaksa dilakukan dan dicuba untuk mendapatkan maklumat seberapa banyak yang mungkin. Selain dari rumah-rumah pelacur, hotel-hotel yang terdapat di bandaraya Pulau Pinang juga dila'ati demi untuk mendapatkan temuduga dengan para pelacur. Selain dari temuduga-temuduga yang dijalankan di hotel-hotel, beberapa kajian dijalankan juga dikawasan-kawasan gelap, dimana terdapatnya pelacur-

(6) Menjalankan "Brothels" adalah salah mengikut seksyen 21(i) dan (ii) Akta Perlindungan Perempuan dan gadis 1973

pelacur kelas terendah sekali. Sebuah "Sauna house" yang sebenarnya adalah merupakan rumah urut telah juga dilawati.

Sebenarnya 50 orang pelacur dari segala bentuk telah di-temuduga. 20 daripadanya adalah merupakan pelacur-pelacur yang tinggal dirumah-rumah lacur (Brothels); 10 dari kawasan-kawasan gelap; 10 dari hotel-hotel yang dilawati; 2 orang "Call girls"; 5 orang pelacur sepenuh masa dan 3 orang pelacur luar negeri.

Sebab mengapa hanya 50 orang dipilih ialah, kesusahan untuk menemui lebih pelacur didalam masa yang singkat dan juga kebanyakannya dari jenis pelacuran yang terdapat di Pulau Pinang adalah sama sahaja. Walau bagaimanapun 50 orang pelacur mungkin tidak dapat menggambarkan keadaan sebenar perkembangan pelacuran di bandaraya, tetapi ini akan dapat paling tidak sedikit menolong dalam membuat satu kesimpulan nanti setelah satu penganalisaan mengenai 50 orang pelacur ini dibuat. Tiap-tiap temuduga yang dilakukan biasanya memakan masa selama 30 - 50 minit.

Selain daripada 50 orang pelacur yang ditemui, 5 orang "pondan" juga telah di-temuduga. Mereka ini merupakan sejenis lagi bentuk pelacuran yang paling aneh dewasa ini dan di Pulau Pinang ini ianya makin berkembang.

Selain daripada pelacur ini, beberapa temuduga juga telah diadakan dengan beberapa pegawai kerajaan yang ada kaitan dengan masalah pelacuran ini. Pegawai-pegawai Polis, Bahagian Pencegah Maksiat telah ditemui dan temuduga-temuduga telah dijalankan. Dari

temuduga-temuduga ini dapat dikumpulkan maklumat-maklumat tentang kegiatan pihak Polis dalam usaha membenteras pelacuran dan juga bagaimana cara-cara perjalanannya.

Jabatan Kebajikan Masyarakat⁽⁷⁾ juga telah ditemui. Ini adalah mustahak apabila membincangkan soal pemulihan akhlak. Dari jabatan ini didapati beberapa perangkaan mengenai dengan penghamilan gadis-gadis dan bekas pelacur kerumah-rumah pemulihan dan juga didapati dari jabatan ini penerangan mengenai perjalanan rumah-rumah pemulihan.

Pegawai-pegawai dari jabatan Hal Ehwal Urama Islam juga ditemuduga. Jabatan ini telah memberi beberapa penerangan mengenai perjalanan jabatan ini dalam usaha membenteras pelacuran. Perangkaan-perangkaan yang berkenaan ada disediakan.

Sebagaimana yang sedia termaklum, untuk mendapatkan maklumat sebenar dan luas bagi menyediakan kertas projek ini, adalah dengan mengadakan temuduga dengan pelacur-pelacur dan mereka yang terlibat secara langsung atau tidak dengan masalah ini. Tetapi rujukan juga dibuat kepada bahan-bahan lalu seperti penulisan-penulisan yang telah sedia mengenai pelacuran, thesis-thesis yang telah disiapkan, bahan-bahan dari surat-surat khabar dan seterusnya pembacaan majalan-majalah yang ada kaitan dengan pelacuran. Dari pembacaan-pembacaan ini didapati banyak pertolongan bagi menambahkan maklumat selain dari yang diperolehi dengan cara temuduga-temuduga yang telah dijalankan.

(7) Kesemua temuduga ini telah diadakan di Pulau Pinang.

Masaalah yang dihadapi didalam usaha pengumpulan data

Usaha menjalankan temuduga dengan pelacur-pelacur dan juga dengan pegawai-pegawai kerajaan yang berkenaan tidaklah sunyi dengan kesusahan. Misalnya dalam menemui pelacur-pelacur ini, terdapat beberapa orang "pimps" yang terpaksa dihampiri dahulu, jika tidak akan gagallah usaha. Mereka ini kadangkalanya terpaksa dibayar demi untuk membolihkan temuduga dijalankan. Ini adalah termasuk beberapa tuanpunya rumah pelacur. Bermacam-macam cara terpaksa dijalankan guna untuk mengelakkan dari dianggap sebagai pegawai-pegawai kerajaan atau Polis.

Selain dari masaalah ini, terdapat pula satu kesusahan untuk membolihkan pelacur-pelacur ini menceritakan atau menjawab pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan. Setengahnya enggan memberi kerjasama dan setengahnya cuma menyatakan tidak tahu atau tidak ingat kalau dikemukakan scalan-scalan. Kesusahan ini ditambah lagi dengan kesangsian samada apa-apa yang diceritakan itu betul atau tidak. Tetapi dalam soal ini perkara ini tidak dapat dilakukan dan kita terpaksa menerima sahaja. Olih hal yang demikian banyak perkara-perkara mustahak tidak berjaya diperolihi.

Kurangnya kerjasama dan banyaknya red-tapes menjadi-kann sukar dalam menjalankan urusan dengan pegawai-pegawai kerajaan yang berkenaan. Misalnya kerjasama yang pernah tidak didapati dari Jabatan Polis. Beberapa perangkaan utama tidak berjaya diperolihi. Dari Jabatan Kebajikan Masyarakat, layanan yang lebih kurang sama

didapati. Ini menjadi lebih buruk dengan keengganan pehak jabatan untuk memberi keizinan bagi lawatan kerumah pemulihan akhlak yang terletak di Babington Avenue, Pulau Pinang. Oleh hal yang demikian, gagallah usaha untuk menjalankan temuduga dengan gadis-gadis yang terdapat dirumah pemulihan ini. Keizinan tidak diberi dengan alasan bahawa terdapat sebab-sebab tertentu yang tidak bolih diberitahu. Jadi apa-apa yang ditulis mengenai rumah pemulihan ini adalah bersandarkan penerangan yang diberi oleh pegawai-pegawai yang berkenaan sahaja.

Setelah mengetahui masaalah ini, maka jelaslah bahawa temuduga-temuduga yang dijalankan itu dapat dipergunakan untuk tujuan penulisan ini. Satu kajian analisa akan dilakukan. Dalam bahagian-bahagian tertentu kajian-kajian kes ini akan dipetik demi untuk memberikan penerangan yang lebih jelas. Walau bagaimanapun nama-nama pelacur yang ditemuduga terpaksa di-rahsiakan.

BAB I

PELACUR

Di dalam kurun ke 20 ini, seluruh masyarakat dunia masih bisa melihat kelahiran pelacuran di bumi ini. Kelahiran ini telah pun dilihat beratus ribu tahun dahulu dan kalau mahu diikutkan, lahirnya pelacuran adalah sama tarikhnya dengan kelahiran dunia. Pernah dikatakan bahawa pelacuran ini adalah satu profesyen yang tertua di dunia dan tidak ada akhirnya. Seorang penulis pernah mengatakan iaitu:

"..... it has existed from the first ages of the world's history down to the present time, and differs but a little, and in minor particulars, in the nineteenth century, from what it was in the earliest time. The records of human race, from the book of down words, thoughts the whole range of ancient and medical literature to the of our own days, bear witness to the perpetual presence among men of the daughters of shame"(1)

Kerana ia yang dianggapkan sebagai sesuatu yang tidak diingini, maka bermacam-macam cara untuk menghapusnya dijalankan walaupun terbukti setakat ini ia adalah tidak mungkin dibasmikan keseluruhannya. Walau bagaimanapun haruslah diperhatikan agar perkembangannya tidak menjadi ugutan dalam kedamaian masyarakat.

Definisi:

Berbagai-bagai definisi telah dibuat mengenai dengan pelacuran ini, umpannya kalau diperhatikan perundangan yang terdapat di Malaysia ia yang didefinisikan sebagai:

(1) Acton - Prostitution, Frederick A. Praeger, Publisher - muka 23.

".....the act of a female offering her body for promiscuous sexual intercourse for hire whether in money or in mind; and prostitute shall be construed accordingly."(2)

Harry Benjamin pula mendefinisikan pelacuran dengan cara yang lain pula, katanya:

"Promiscuous intercourse for hire to which, however can and should be added that such intercourse is largely indiscriminate, without affecting and frequently anonymous, payment being made in cash."(3)

Pelacuran juga didefinisikan sebagai satu perlakuan persetubuhan dengan persetujuan kedua-dua pihak iaitu antara seseorang perempuan dan pelanggannya demi untuk mendapatkan bayaran yang akhirnya akan merupakan mata pencerianya. (4)

Dari definisi-definisi ini dapat disimpulkan bahawa wujud beberapa elemen yang perlu untuk menjadikan sesuatu keadaan itu dikatakan pelacuran, iaitu:

- (a) Pembayaran, samada dalam bentuk wang atau barang
- (b) Perhubungan jenis mestilah dilakukan
- (c) Ketidak-hadiran emosi, biasanya didalam perlakuan perhubungan jenis diantara pelacur dengan pelanggannya adalah diluar emosi dan tidak terdapat kasih sayang diantara mereka.

Memandangkan kepada definisi-definisi yang diterangkan di atas, adalah jelas bahawa definisi yang diberikan oleh Akta Perlindungan Perempuan dan Gadis di Malaysia bolih dikatakan sempurna dan ini adalah serupa dengan definisi yang terdapat didalam perundangan India. (5) Untuk tujuan akta, adalah bolih dikatakan definisi ini memadai.

(2) Akta Perlindungan Perempuan dan Gadis 1973, seksyen 2.

(3) Harry Benjamin, "Prostitution" - The Encyclopedia of sexual behaviour - Volume II; W.M. Heineman Medical Books Ltd (1961), muka 869.

(4) Charles Minnick & Paul Mckinsie - The lively Commerce.

(5) The Suppression of Unmoral Traffic in Women & Girls Act 1965.

Pelacur di Pulau Pinang:

Memandangkan kepada sifat perdagangannya, adalah sukar untuk menentukan dengan tepat, ramainya pelacur di bandaraya ini. Tidak terdapat rekod-rekod tentang ramainya pelacur dan ini adalah lebih sukar kerana setengah dari pelacur-pelacur ini tidak dapat dikenali. Sesorang itu cuma boleh mengenali samada orang itu pelacur atau tidak ialah apabila ia melawat rumah-rumah lacur dan hotel tertentu sahaja. Malu bergantong kepada Jabatan Polis, adalah tidak mungkin kerana begitu terang sekali pelacur yang ditangkap dan kebanyakannya yang ditangkap cuma yang dibawah umur. Ini adalah kerana pelacur-pelacur itu biasanya tidak ditangkap. Walaupun bagaimanapun dapat dibuat anggaran kasar mengenai dengan perangkaan ini. Ini dapat dibuat dengan membahagiakan kawasan-kawasan pelacuran dan dapatkan anggaran kasar bagi tiap-tiap kawasan. Ruangan untuk pelacur-pelacur yang dibawah umur yang dihantar ke rumah pemulihan dapat diperolehi dari Jabatan Kebajikan Masyarakat. Di bandaraya Pulau Pinang, dapat dibahagikan kawasan-kawasan pelacuran ini kepada 2 bahagian besar iaitu:

- (a) Kawasan-kawasan gelap dan rumah-rumah lacur
- (b) Kawasan-kawasan yang terdapat di hotel-hotel yang mempunyai pelacur

Terdapat dua kawasan gelap yang terkenal di bandaraya ini iaitu kawasan yang terletak di Jalan Perlis dan Jalan Irving. Satu lagi adalah terletak di Jalan Melaka. Kebanyakan pelacur-pelacur yang terdapat disini adalah dari kelas bawahan. Dianggarkan bahawa di kawasan-kawasan ini terdapat lebih kurang 200 orang pelacur.

Kawasan-kawasan hotel pula, dari 30 buah yang dilawati dapat dibuat hitung panjang ditiap hotel adalah 15 horang dan kerana itu di kawasan ini terdapat 450 orang. Dari Jabatan Kebajikan Masyarakat⁽⁶⁾ didapati bahawa pada tahun 1974 seramai 70 orang perempuan diantar kerumah pemilihan dan pada tahun 1975 seramai 61 orang ditahan disini. Oleh hal yang demikian kita dapat 131 orang pelacur. Kalau dijumlahkan semuanya kita dapat bahawa ianya adalah 781 orang. Ini tidak termasuk pelacur-pelacur separoh masa dan 'call girls'. Jumlah mereka ini adalah paling sukar untuk ditentukan kerana ianya sentiasa berubah.

Oleh hal yang demikian dapatlah dikatakan bahawa anggaran yang dibuat ini mungkin kurang. Barangkali jumlahnya adalah bolih digandakan. Memandangkan hal yang demikian, untuk mendapati jumlah yang sebenar adalah mustahil.

Sebab-sebab seseorang perempuan itu menjadi pelacur:

Sebenarnya terdapat beratus-ratus sebab mengapa seseorang perempuan itu menjadi pelacur dan kalau mahu ditelitikan tiap-tiap satunya mungkin ianya terlalu banyak, walaupun bagaimanapun terdapat beberapa faktor yang sama yang menjadikan perempuan itu sebagai pelacur. Kalau diperhatikan diseluruh dunia, kalau terdapat pelacuran maka nanti ditemui, iaitu terdapat satu pertalian sebab diantara pelacur-pelacur ini. Mungkin sebab yang terdapat di America, terdapat juga di Malaysia. Walaupun ianya datang dari lain

(6) Data dari Jabatan Kebajikan.

keadaan. Umpamanya kemiskinan menjadi sebab mengapa seseorang perempuan menjadi pelacur di Malaysia. Ianya juga boleh menjadi satu sebab di India dan America. Oleh hal yang demikian, ianya adalah merupakan satu sebab yang biasa. Namun begitu terdapat sebab tertentu yang cuma wujud di satu-satu negara tapi tidak dinegara lain. Dalam kajian yang dilakukan di Pulau Pinang telah menunjukkan bahawa beberapa sebab tertentu telah membawa gadis-gadis dan perempuan ini menjadi pelacur. Faktur-faktur yang dinaksudkan itu ialah:

- (a) kemiskinan
- (b) keadaan rumah-tangga yang kucar-kacir.
- (c) untuk mencari kepuasan sex
- (d) dadah
- (e) paksaan dan tipuan
- (f) keinginan untuk mendapat kehidupan yang senang
- (g) taraf hidup didalam masyarakat yang makin tinggi

Dari 50 orang pelacur yang ditemuduga, didekati bahawa sebahagian besarnya adalah disebabkan oleh kemiskinan. Walaupun dari 50 orang sahaja mungkin gambaran yang sebenarnya tidak akan diperolehi tetapi ianya mungkin dapat menunjukkan tentang hubungan faktor-faktor yang menjadikan seseorang gadis itu termasuk ke dalam pelacuran. Dari temuduga yang dijalankan ini, satu rajah telah dapat dibuat untuk menerangkan hubungan diantara faktur-faktur yang wujud disini.

| | FAKTUR | BILANGAN | PERATUS |
|---|--------|----------|---------|
| Kemiskinan. | | 26 | 52% |
| Kemiskinan dan rumah-tangga yang kucar-kacir. | | 7 | 14% |
| Rumah-tangga yang kucar-kacir. | | 4 | 8% |
| Tipuan dan paksaan. | | 3 | 6% |
| Mencari kepuasan sex. | | 3 | 6% |
| Untuk membeli dadah. | | 2 | 4% |
| Keinginan untuk kehidupan yang senang. | | 2 | 4% |
| Mencari kepuasan sex dan kehidupan yang senang. | | 3 | 6% |
| JUMLAH | | 50 | 100% |

(a) Kemiskinan

Sebenarnya bolih dikatakan bahawa setiap ahli masyarakat mempunyai pendapat bahawa kemiskinanlah yang menjadi punca utama menyebabkan lahirnya pelacuran. Ini adalah benar, tetapi tidak semuanya disebabkan oleh kemiskinan. Walau bagaimanapun ia tetap merupakan satu punca yang besar dan kalau dilihat rajah yang terdapat itu tadi, didapati 52% daripada pelacur-pelacur yang ditemuduga mengatakan bahawa kemiskinanlah yang menyebabkan mereka menjadi pelacur. Kebanyakan dari mereka ini adalah terdesak oleh kesempitan hidup dan kerana kebanyakannya daripadanya adalah tidak berpelajaran maka jalan yang paling mudah sekali ialah dengan cara menjualkan tubuh mereka. Seperti kata seorang pelacur yang berumur 30 tahun:

"saya mempunyai 8 orang anak untuk diberi makan dan suami saya telah meninggalkan saya. Saya tidak mempunyai apa-apa cara lain untuk mendapatkan wang dan kerana banyak dari anak-anak saya yang masih kecil, maka saya terpaksa menjadi pelacur."

Namun demikian, masih bolih dikatakan bahawa mereka setengahnya menggunakan kemiskinan sebagai alasan sahaja untuk menjadi pelacur. Ini adalah kerana ianya merupakan jalan keluar yang mudah dan kerana senang mendapat wang. Sebenarnya kalau diperhatikan akan didapati bahawa mereka ini bolih membuat pekerjaan-pekerjaan lain untuk menyara hidup. Hakikat bahawa banyak perempuan-perempuan lain yang miskin yang tidak menjadi pelacur sudah cukup untuk membentarkan jangkaan ini. Seorang pelacur yang berumur 22 tahun pula mengatakan bahawa kemiskinan yang dialami oleh keluarganya menyebabkan ia sanggup menjualkan tubuhnya demi untuk membantu keluarganya, katanya:

"ayah saya seorang penoreh getah dan pendapatannya adalah terlalu sedikit iaitu diantra \$60-\$100 sebulan. Saya mempunyai 5 orang adik beradik yang masih bersekolah. Saya tidak sanggup melihat ayah saya bertungkus lumus mencari wang untuk menyara kami. Ibu saya telah lama meninggal dunia. Walau bagaimanapun saya akan berhenti dari lapangan ini sebaik sahaja adik-adik saya dewasa dan mendapat pekerjaan."

Namang, kalau diperhatikan, kemiskinan yang dialami oleh orang tuan atau ibubapa, akan membuatkan seseorang anak itu sanggup melakukan perkara-perkara yang tidak seharusnya dilakukan. Hidup dalam kemiskinan adalah terlalu sukar dan manusia akan sanggup melakukan apa sahaja demi untuk mendapatkan wang. Misalnya di salah sebuah hotel yang dilawati, ditemui seorang pelacur dan dua orang anak gadisnya (juga pelacur) menjualkan tubuh ditempat yang sama. Apabila disoal, ia mengatakan bahawa ia telah lama menjadi pelacur dan anak-anaknya disuruh menjadi pelacur kerana ia tidak sanggup untuk menyara mereka. Kedua-dua anaknya itu telah berkahwin tetapi telah bercerai. Mereka mempunyai anak untuk disera.

Soal hidup dan mati ini membuatkan timbulnya bermacam-macam masalah. Kemiskinan misalnya boleh membuatkan seseorang itu hanyut dalam hidup. Tetapi apa yang dikesalkan ialah, banyak pula manusia-manusia lain yang mencari kesempatan untuk mengambil peluang dimasa kesempitan ini. Misalnya dalam satu temuduga dengan seorang pelacur lain, ia menceritakan:

"ayah saya terlalu miskin. Ibu saya tidak membuat pekerjaan apa-apa. Saya mempunyai 7 orang adik beradik. Buat akhir-akhir ini ayah saya telah jatuh sakit. Saatnya kian hari kian terok dan tidak dapat membuat apa-apa lagi. Suatu hari ayah saya ditomui oleh seorang lelaki yang tidak dikenali dan membincangkan dengan ayah saya mengenai diri saya. Orang itu meminta keizinan untuk mengambil saya dan memberi wang pada ayah. Ayah tidak bersetuju tetapi setelah memikirkan sedala-dalamnya saya non-

buat keputusan untuk mengikut lelaki itu. Saya kemudiannya disuruh melacurkan diri dan orang itu memberi wang pada ayah."

Jelas bahawa banyak ahli-ahli masyarakat bertanggung-jawab didalam mengambil kesempatan begini kerana mereka tahu bahawa kemiskinan akan memaksa seseorang melakukan apa sahaja. Oleh itu haruslah ditentang orang orang yang semacam ini dahulu dalam usaha membentras pelacuran.

Kadangkalanya kombinasi dua atau lebih faktur menjadikan seseorang gadis itu hidup dialam pelacuran. Biasanya salah satu daripada faktur itu adalah kemiskinan. Kalau diperhatikan rajah yang ditunjukkan didapati 14% daripada pelacur-pelacur itu menjadi pelacur kerana kombinasi faktur kemiskinan dan keadaan rumah-tangga mereka yang kucar-kacir. Misalnya seseorang gadis itu selalu dipukul dan dimakhlum oleh ahli keluarganya seperti akuan seorang daripada mereka:

"rumah saya seperti neraka, saya dipukul, dinakki dan selalunya dinilau keluar. Kami terlalu miskin dan kerana tidak tahan semua ini akhirnya saya meninggalkan rumah dan datang ke bandar ini. Saya tidak ada tujuan, akhirnya saya menjadi pelayan bar dan dari sini saya mula menjadi pelacur."

Oleh hal yang demikian kemiskinan adalah sebab penting yang bertanggung-jawab tentang kelahiran pelacuran.

(b) Keadaan rumah-tangga yang kucar-kacir.

Mengikut data yang didapati dari temuduga yang dijalankan, 8% daripada pelacur-pelacur ini adalah terdesak ke alam pelacuran kerana keadaan rumah-tangga mereka. Biasanya disini tidak terdapat kasih sayang, perkelahian antara ahli keluarga kerap berlaku dan keadaan didalam rumah tangga ini adalah tidak tenteram. Kebanyakan anak-anak gadis dari rumah-rumah yang semacam ini tidak dihiraukan oleh ibubapa mereka. Jiwa anak-anak gadis ini selalu tidak tenteram dan jiwa

mereka disiksa dengan berbagai-bagai cara. Satu contoh dalam soal ini ialah seorang pelacur yang berumur 21 tahun yang sekarang tinggal dibandaraya Pulau Pinang, katanya:

"....ibu saya meninggal dunia semasa saya berumur 13 tahun. Ayah saya kemudiannya kahwin lagi. Ibu tiri saya bencikan saya dan saya selalu dipukul dan disuruh membuat bermacam-macam pekerjaan. Ayah saya terlalu sayangkan ibu tiri saya dan tidak menghiraukan saya langsung. Saya mengambil keputusan lari dari rumah setelah saya dapati keadaan rumah saya terlalu menakutkan saya. Akhirnya saya bercampur dengan pelacur-pelacur dan menjadi pelacur....."

Bila ditanya seterusnya, ia mengatakan ia gembira dengan apa yang dilakukannya. Ini adalah jelas menunjukkan bahawa rasa kebencian terhadap rumah-tangganya begitu meluap sekali sehingga ia mengatakan gembira menjadi pelacur. Sebenarnya ini adalah satu 'escapism'

Sebetulnya didikan yang salah juga boleh membuatkan seseorang gadis itu menjadi pelacur. Olih hal yang demikian, haruslah ditentukan bahawa didikan yang diberi itu mencukupi dan betul agar kekacauan kelak tidak akan berlaku.

Selain dari itu tidandakan suami terhadap isteri juga boleh membuatkan isteri-isteri meninggalkan rumah menjadi pelacur. Kalau sekira ya sisuami selalu mengainayai isterinya dan tidak memberi layanan yang betul terhadap isteri-isteri mereka, maka akibat yang tidak diingini ini harus terjadi. Seorang pelacur mengatakan:

".....saya menjadi pelacur adalah kerana bosan hidup dengan suami saya yang sentiasa nabok dan memukul saya setiap malam. Ia tidak menghiraukan anak-anak saya dan tidak memberi perbelanjaan kepada saya. Saya kemudiannya meninggalkan rumah dan bercampur dengan kawan-kawan saya yang bekerja di kelab-kelab malam dan dari sini saya mula melibatkan diri dengan pelacuran....."

Tetapi kalau diperhatikan kebanyakannya faktur keadaan rumah yang tidak menyenangkan ini dijadikan alasan untuk melibatkan diri dengan pelacuran adalah merupakan satu faktur yang menolong sahaja. Ia itu kalau seseorang gadis itu mempunyai moral yang tinggi, sukarlah ia hendak menjadi pelacur. Jadi adalah penting untuk menentukan keadaan moral seseorang itu. Tidak dapat dinafikan bahawa faktur keadaan rumah-tangga ini juga menjadi faktur penting dalam membuka jalan kearah pelacuran tetapi ianya tidaklah merupakan faktur yang terdesak. Oleh hal yang demikian kadang-kadangnya kalau diperhatikan kebanyakannya dari pelacur-pelacur ini adalah terdiri dari mereka yang tidak teguh imannya.

(c) Untuk mencari kepuasan sex

Faktur ini juga menjadi satu sebab yang kuat menjadikan seseorang gadis itu mengalihkan hidup kearah pelacuran. Kalau diperhatikan rajah yang ditunjukkan jelas bahawa ianya merupakan 6% dari semua faktur-faktur. Dengan kata lain 3 orang pelacur yang ditemuduga mengakui bahawa mereka menjadi pelacur kerana menghendaki kepuasan sex. Kata salah seorang daripada 'call girls' yang ditemui:

".....saya mempunyai segala-galanya dari hidup. Suami saya seorang ahli perniagaan yang kaya. Saya mempunyai wang yang banyak tetapi tiada mendapati kepuasan sex yang cukup. Suami saya hanya asyik dengan perniagaannya sahaja. Oleh kerana itu saya mencari jalan keluar yang mudah iaitu dengan menjadi pelacur separuh masa. Saya tidak mementingkan sangat tentang wang."

Dengan ini menunjukkan bahawa faktur ini adalah satu sebab yang paling mudah digunakan oleh gadis-gadis untuk menjadi pelacur. Mereka

ini kebanyakannya mementingkan sex dan tidak menghiraukan soal pembayaran. Kombinasi faktur-faktur untuk mencari kepuasan sex dan untuk mendapat kehidupan yang senang merupakan satu lagi unsur yang membawa gadis-gadis menjadi pelacur.

Mengikut temuduga-temuduga yang dijalankan, sebanyak 6% daripada gadis-gadis ini adalah dibawa kealam pelacuran oleh unsur ini. Kebanyakannya daripada mereka ini terdiri dari gadis-gadis yang masih muda. Mereka memerlukan wang yang lebih dan juga untuk memuaskan nafsu mereka. Ada juga yang mengatakan bahawa mereka ingin mencari kehidupan sex kerana mereka masih muda. Dalam kumpulan ini terdapat beberapa gadis, belasan tahun yang masih bersekolah. Ini adalah disebabkan oleh perasaan ingin tahu tentang sex dan juga untuk menambahkan hasil mereka.

(d) Untuk membeli dadah

Seorang gadis yang berasal dari Ipoh, Perak membuat pengakuan bahawa ia menjadi pelacur adalah kerana ia memerlukan wang untuk membeli dadah. Ia mula menjadi penagih dadah semasa ia dibangku sekolah lagi dan ini adalah akibat dari percampuran dengan kawan-kawannya yang lain. Antara lain katanya:

"saya sudah tidak bolih berenggang dengan dadah dan saya memerlukan banyak wang untuk mendapatkan dadah dan dengan menjualkan tubuh saya, saya bolih mendapatkan banyak wang."

Walau bagaimanapun dadah tidaklah merupakan faktur penting dalam menggalakkan gadis-gadis menjadi pelacur. Umpamanya kalau dilihat rajah, didapati cuma 4% sahaja yang menjadi pelacur kerana dadah.

Tetapi ianya tetap merupakan satu faktur. Dengan yang demikian dadah paling tidak sedikit bertanggung-jawab dalam perkembangan pelacuran. Dengan keadaan perkembangan dadah dewasa ini di Malaysia, maka dapatlah diandaikan perkembangan pelacuran akan bertambah pesat.

(e) Tipuan dan paksaan

Sebagaimana yang telah sedia maklum, banyak manusia-manusia lain yang bertanggung-jawab didalam memperkenalkan gadis-gadis didalam pelacuran. Biasanya pemaksa-pemaksa ini adalah terdiri dari suami-suami atau kawan-kawan lelaki gadis-gadis itu sendiri. Biasanya kawan-kawan lelaki ini akan membuat perjanjian-perjanjian yang manis untuk berkahwin dan sebagainya. Puncak dari kata-kata ini, gadis-gadis ini biasanya menurut lelaki ini tetapi mendapati akhirnya mereka digunakan untuk tujuan pelacuran. Setengah suami-suami yang terdesak hidup juga kadang-kadang memaksa isteri-isteri mereka untuk menjadi pelacur. Salahseorang daripada mereka menceritakan bahawa selepas ia berkahwin dengan suaminya, kehidupan bertambah susah dan akhirnya ia dipaksa oleh suaminya untuk menjadi pelacur. Ia kemudiannya memberikan hasil lacurnya kepada suaminya.

Majah menunjukkan 6% daripada pelacur-pelacur yang ditemuduga adalah ditipu dan dipaksa melakukan pelacuran. Ini jelas menunjukkan bahawa terdapat sendiket-sindiket tertentu yang menjalankan usaha-usaha membawa gadis-gadis ini ke dalam pelacuran. Biasanya gadis-gadis yang ditipu ini akan diugut dan kerana tidak ada jalan keluar, ianya terpaksa melacurkan diri.

(f) Untuk mencari kehidupan yang senang

Banyak terdapat gadis-gadis yang tidak begitu tinggi taraf pelajaran mereka dan yang ingin untuk mendapatkan kehidupan yang senang telah memilih pelacuran sebagai jalan keluar. Biasanya mereka ini datang dari luar bandaraya ini untuk mencari pekerjaan dan kerana terdapat banyak kilang-kilang dibuka disini, agak senanglah mereka mendapat pekerjaan. Tetapi selalunya gaji yang dibayar adalah rendah dan kerana berkehendakkan wang yang lebih, gadis-gadis ini akan meninggalkan pekerjaan ini dan mencari pekerjaan di bar-bar atau kelab-kelab malam. Apabila mendapati bahawa dengan melacurkan diri mereka akan mendapat lebih banyak wang dan kerana itu mereka terus menjadikan pelacuran sebagai cara hidup.

Rajah yang didapati menunjukkan bahawa 4% daripada pelacur-pelacur yang ditemuduga adalah terdiri dari mereka yang didesak untuk mencari kehidupan yang senang. Salah seorang dari mereka menceritakan:

".....saya berasal dari Kedah dan datang ke bandaraya ini untuk mencari pekerjaan. Saya mula bekerja di Bayan Lepas iaitu di salah sebuah kilang lettronik. Tetapi gaji saya kecil dan kerana itu saya berhenti dan bercampur dengan kawan-kawan saya yang bekerja di kelab-kelab malam. Saya mendapati bahawa saya boleh mendapat wang yang banyak dengan melacurkan diri dan terus saya menjadi pelacur....."

Jelas bahawa, kesah diatas adalah satu yang lumrah diantara anak-anak gadis dewasa ini. Segala kenewahan hidup akan membuatkan mereka tertarikh dengan alam pelacuran ini.

Dari sebab-sebab yang didapati bahawa kemiskinan merupakan punca utama. Faktur-faktur yang lain ada yang wujud sendiri atau dengan faktur-faktur yang lain. Walau bagaimanapun kalau mahu diikutkan terdapat

berbagai-bagai faktur yang menyebabkan gadis-gadis ini menjadi pelacur. Misalnya penulis India, Kamala Rao dan S.D. Dunekar⁽⁷⁾ telah memberikan 6 jenis faktor-faktor besar yang mengadungi 26 sebab-sebab kecil yang lain mengapa gadis-gadis atau perempuan-perempuan menjadi pelacur. Dari sebab-sebab yang dinyatakan ialah pengarah ini banyak diantaranya yang mempunyai persamaan seperti kemiskinan, keadaan rumah yang kucar-kacir, memerlukan kepuasan sex dan untuk mencari kehidupan yang senang.

| | | |
|-----------|--|-----|
| Group I | 1. Death of father/mother/guardian/husband/relatives | (8) |
| Group II | 2. Poverty 3. Destitution | |
| Group III | 4. Ill-treatment by father/mother/guardian/husband/relatives. 5. Neglect by father/mother/guardian/husband/relatives 6. Otherwise unhappy family relatives 7. Unfaithfulness of the husband 8. Desecration by the husband 9. Otherwise unhappy marriage | |
| Group IV | 10. Connivance of parents/husband/relatives 11. Introduced by parents/husband/relatives 12. Bad influence 13. Deception 14. Kidnapping 15. Tradition or heredity 16. Environmental influence | |
| Group V | 17. Sexual urge and sex curiosity 18. Illicit sexual relations 19. Illegitimate pregnancy 20. Rape | |
| Group VI | 21. Desire for easy life 22. Love of adventure 23. Hatred for marriage 24. Ignorance 25. Low moral values 26. Desire for revenge | |

Tetapi faktur-faktur yang diberikannya ada yang tidak wujud di Malaysia, misalnya mengenai tradisi dan keturunan. Mengikut pengarang ini, di India terdapat masyarakat seperti masyarakat koletis yang mempunyai tradisi untuk membolihkan gadis-gadis memilih samada untuk berkahwin atau menjadi pelacur. Biasanya ibubapa mereka akan memberi kebenaran.

(9) Ada setengahnya pula menjadi pelacur kerana keturunan mereka adalah pelacur. Biasanya ibu atau datuk perempuan mereka adalah pelacur dan kerapkali mereka diperkenalkan ke alam pelacuran oleh ibu-ibu mereka.⁽¹⁰⁾ Ini telah merupakan sebagai satu profession kaluarga, konon sebabnya adalah untuk menentukan masa depan mereka tidak akan gelap kerana semua di dalam keluarga bekerja dan mempunyai pendapatan.

Tetapi di Malaysia, faktur-faktur ini adalah begitu asing bagi masyarakatnya. Tidak ada ibubapa yang akan membenarkan anak-anak mereka menjadi pelacur misalnya. Irdi adalah kerana cara hidup masyarakat kita berbeza dengan masyarakat India misalnya.

Setelah dilihat sebab-sebab yang menjadikan faktur-faktur membawa gadis-gadis menjadi pelacur, maka adalah mustahak, dalam usaha mengawal pelacuran, menghapuskan sebab-sebab atau punca-punca yang bertanggung-jawab melahirkannya.

(9) Ibid, muka 114.
(10) Ibid,

BAB II

UNDANG-UNDANG MENGENAI PELACURAN DI MALAYSIA

Memperkatakan soal undang-undang mengenai pelacuran dewasa ini, haruslah dijalankan satu penelitian yang mendalam terhadapnya. Buat masa ini kedudukan undang-undang dilapangan ini masih banyak yang belih diperkatakan menenainya. Dengan yang demikian adalah eleh kalau dibahagikan perbincangan kepada:

- Undang-undang dewasa ini menenai pelacuran di Malaysia,
- Sebab-sebab dan alasan bagi mengadakan undang-undang ini,
- Perbandingan dengan sistem-sistem luar negeri dan saranannya.

Undang-undang dewasa ini mengenai pelacuran di Malaysia

Didalam konteks ini, sebenarnya terdapat beberapa sebab yang memberi kawalan terhadap masalah pelacuran-pelacuran di negara ini. Yang paling utama ialah akta Perlindungan Perempuan dan Gadis 1973⁽¹⁾ yang berkuatkuasa pada 1hb September, 1973. Selain dari akta ini kita dapati ada akta-akta seperti:

- Juvenile Courts Act 1947
- Miner offences ordinance 1955
- Kanun Keseksaan - FMS CAP 45
- Restricted Residence Enactment
- Immigrant Act 1963
- Banishment Act 1959
- Registration of Guest Act 1965

(1) Akta Parlimen No.106.

Kalau kita memandang kepada statut-statut ini , kita akan dapati bahawa kesemua daripadanya adalah memberikan langkah-langkah kawalan terhadap perkembangan pelacuran di negara ini. Ini timbul adalah kerana tidak terdapatnya mana-mana peruntukan didalam statut-statut ini yang mengatakan bahawa menjadi pelacur itu salah disisi undang-undang. Maksudnya, perundangan tidak menyentuh seal ini secara langsung tetapi hanya membincangkan tentang aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pelacuran. Misalnya, kalau kita perhatikan pada Bahagian IV Akta Perlindungan Perempuan dan Gadis, dimana didalam seksyen 16(i) nya diturunkan kesalahan tersebut. Didalam seksyen ini dinyatakan 13 jenis kesalahan yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti pelacuran umpamanya seksyen 16(i)(a) mengatakan bahawa barang siapa menjual, memberi sewa, membeli, atau mendapatkan perempuan untuk tujuan pelacuran samada didalam atau diluar Malaysia ataupun mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa perempuan itu akan digunakan untuk maksud pelacuran maka ia adalah melakukan kesalahan dan bolih dihukum penjara sehingga 5 tahun atau didenda sehingga \$10,000 atau kedua-duanya sekali.

Jelas sekali bahawa seksyen ini membincangkan seal orang yang menyebabkan atau membawa gadis-gadis untuk pelacuran. Sama halnya kalau dilihat seksyen 16(i)(b) yang berkenaan dengan membawa seseorang perempuan untuk tujuan pelacuran samada didalam atau diluar Malaysia dengan membuatnya melakukan hubungan jenis dengan

seseorang selain dari cara perkahwinan. Hukuman untuk kesalahan ini adalah juga sama dengan 16(1)(a). Selain dari itu kita juga lihat didalam 16(i)(c), (d), (e), (f), (g), (h), (i), (j), (k), (l), (m), semuanya menyentuh tentang perlakuan seorang lain dalam menggalakkan pelacuran. Umpamanya membuatkan seseorang gadis itu melakukan hubungan jenis untuk maksud pelacuran melalui ugutan dan ancaman atau menipu perempuan untuk maksud pelacuran. Dalam membicarakan soal kesalahan-kesalahan yang dinyatakan dibawah seksyen ini, kalau seseorang mempunyai sebab yang bolih membuatkan ia percaya bahawa seseorang perempuan itu dibawa untuk tujuan pelacuran, kalau ia menolong dalam usaha ini, ia juga melakukan kesalahan.

Adalah juga menjadi kesalahan kalau seseorang perempuan itu ditahan (berlawanan dengan kehendaknya) didalam sesuatu "brothel".⁽²⁾ Mengikut seksyen 16(i)(h) pula adalah menjadi kesalahan kalau menolong atau membantu dalam pergerakan pelacur. Tetapi nampaknya seksyen 16(i)(e) membawa satu situasi yang paling menarik. Seksyen ini mengatakan:

"any person who has casual knowledge with any female person under the age of 16 years except by way of marriage shall be guilty of an offence and shall be liable to imprisonment...."

Oleh itu kalau seseorang itu mengadakan hubungan jenis dengan gadis yang dibawah umur 16 tahun, ini adalah kesalahan kecuali secara perkahwinan. STetapi kalau kita melihat Kanun Keseksaan FMS Cape 45

(2)Lihat seksyen 2 mengenai definisi "Brothel" - any place occupied or used by any two or more female persons whether at the same time or at different times for the purpose of prostitution."

dibawah seksyen 375⁽³⁾nya kita dapati di bahagian kecualiannya ia mengatakan:

"sexual intercourse by a man with his own wife, the wife not being under 13 years of age, is not rape."

Sebenarnya kalau seseorang yang didakwa dibawah seksyen 375 Kanun Keseksaan berjaya melepasan diri dari tuduhan rogel atas alasan yang ia mempercayai dengan jujur bahawa gadis itu lebih dari 13 tahun, ianya akan tetap terperangkap dengan undang-undang dibawah 16(i)(e) dari Akta Perlindungan Perempuan dan Gadis selagi kepercayaannya tentang umur gadis itu tidak melebihi 16 tahun. Ini menunjukkan satu bentuk perlindungan kepada pehak gadis.

Daripada kesalahan-kesalahan yang dinyatakan diatas ternampak dengan jelas bahawa ianya tidak menyentuh pelacur-pelacur itu sendiri. Ianya cuma memeruntukkan hukuman dengan mereka yang terlibat dengan pelacur.

Barangkali dengan membuatkan peruntukan menjadikan mereka yang terlibat dengan pelacuran ini salah disisi undang-undang, pehak penggubal undang-undang mempunyai "idea" bahawa ini akan mengurang ataupun mematahkan perkembangan pelacuran. Dengan sebab ini, maka bukan sahaja kesalahan disebut dibawah seksyen 16 tetapi juga di seksyen-seksyen 18. Seksyen ini adalah mengenai dengan "trafficing of women for the purpose of prostitution". Dikatakan

(3) seksyen ini mengenai rogel.

barang siapa yang menjalankan usaha membawa masuk atau keluar dari Malaysia, perempuan-perempuan untuk tujuan pelacuran adalah melakukan kesalahan yang kalau thabit kesalahannya boleh diakum dengan penjara hingga 5 tahun atau didenda hingga \$10,000 atau kedua-duanya sekali. Ini menunjukkan, pehak penggubal undang-undang adalah bertujuan membenteras orang yang mencuba untuk memperluaskan pelacuran. Ini adalah menasabah kerana kalau diperhatikan kita akan dapati bahawa didalam perniagaan pelacuran ini terdapat banyak kumpulan-kumpulan orang yang cuba menjadi 'pimps' atau pelindung kepada pelacur-pelacur ini. Olih hal yang demikian seksyen 19(1) membuatkan satu peruntukan untuk menghapuskan mereka yang hidup atas perniagaan pelacuran. Katanya:

"any person knowingly lives wholly or in part on the earnings of the prostitution of another person shall be guilty of an offence and shall on conviction be liable to imprisonment for a term not exceeding five years or to a fine not exceeding ten thousand dollars or to both such imprisonment and fine."

Ini bermakna bahawa tuan-tuan punya hotel dan rumah-rumah pelacur dan mereka lain yang bertindak sebagai pelindung pelacur yang menerima wang dari pelacur-pelacur serta sesiapa sahaja yang menakan hasil-hasil pelacuran adalah boleh diadwa dibawah seksyen ini. Ini adalah termasuk suami-suami ataupun kawan-kawan lelaki pelacur-pelacur yang melakukan perbuatan sumbang seperti memksa ister-isteri atau kawan-kawan perempuan mereka untuk menjadi pelacur agar dapat mendatangkan hasil kepada mereka. Nampaknya undang-undang tidak mahu orang-orang seperti ini membiak dan melakukan perniagaan

pelacuran berterusan kalau mahu diikutkan, undang-undang juga membuat peruntukan untuk menghapuskan hotel-hotel atau rumah-rumah pelacur dimana pelacur-pelacur menjalankan aktiviti-aktiviti mereka. Cuba kita perhatikan seksyen 20 dan 21 dari akta ini. Seksyen-Seksyen 20 mengatakan:

"any person who keeps menages or assists in the management of a place of assignation or keeps, manages or assists in the management of an association, institution, club or a place of public resort where the premises of such association, institution, club or place of plublic resort or any part of such premises is with this knowledge belief being used as a place of assignation, shall be guilty of an offence and shall be liable on conviction to imprisonment for a term not exceeding three years or to a fine not exceeding five thousand dollars or to both such imprisonment and five, and on a second or subsequent conviction such person shall be liable to imprisonment for a term not exceeding five years or to five not exceeding ten thousand dollars or to both such imprisonment and five."

Seksyen 21(1) mengatakan:

"any person who keeps or manages or assists in the management of brothel shall be guilty of an offence under this section."

Seksyen 21(2) pula mengatakan:

"any person who being the owner of any place or the agent of such owner, or being the occupier of any place, lets the same or any part there of with the knowledge that such place or that part is to be used as a brothel or permits such place or part to be used as a brothel or permits such place or part to be used as a brothel or is a party to the continued one of such place or part as a brothel shall be guilty of an offence under this section."

Kedua-dua seksyen ini telah menunjukkan niat undang-undang untuk membentras perusahaan pelacuran yang dijalankan oleh tuan-tuan punya hotel dan rumah-rumah pelacuran yang menjalankan perniagaan pelacuran.

(Soal yang timbul dipersimpangan ini ialah kesukaran didalam menguatkuasakan seksyen-seksyen ini. Ini adalah kerana sukar untuk mendapatkan butir-butir yang cukup dan padu bagi membolihkan pendakwaan dijalankan. Biasanya pelacur-pelacur enggan untuk memberikan keterangan mengatakan seseorang itu menjalankan rumah-rumah pelacur atau hotel-hotel untuk tujuan pelacuran).

Sudah menjadi satu keadaan yang lumrah, pelacuran dijalankan di kawasan-kawasan yang tertentu yang selalu tersembunyi dan sukar dikesan. Perdagangan ini adalah kerap dijalankan secara 'sulit!.. Dengan kata lain jarang-jarang didapati pelacuran dijalankan di kawasan-kawasan yang terang atau tempat awam. Oleh hal yang demikian ini membuatkan lebih sukar bagi pehak penguatkuasa undang-undang untuk menjalankan tugas mereka. Akta Perlindungan Perempuan dan Gadis didalam seksyen 22 nya mengatakan kalau sesiapa melakukan 'soliciting' untuk tujuan pelacuran atau maksud-maksud immoral yang lain adalah melakukan kesalahan dibawah seksyen ini.

Seksyen ini menjelaskan bahawa sesiapa sahaja yang melakukan 'soliciting' di tempat-tempat yang terbuka untuk maksud pelacuran atau apa-apa tindakan immoral adalah salahdisisi undang-undang. Perkataan 'any person' ataupun barang siapa ini adalah termasuk pelacur-pelacur sendiri. Nampaknya cuma seksyen ini sahaja yang menyentuh secara langsung mengenai diri pelacur-pelacur itu. Tetapi ianya cuma menjadi kesalahan di tempat-tempat awam. Jadi adalah tidak

menjadi kesalahan kalau dilakukan ditempat-tempat yang tersembunyi. Ini adalah sangat-sangat menyakinkan kita bahawa undang-undang sengaja tidak mahu mengatakan bahawa menjadi pelacur itu adalah salah dimata undang-undang.

Oleh hal yang demikian pelacur-pelacur yang bekerja didalam 'bar' dan hotel adalah sukar untuk ditangkap atas alasan 'soliciting' secara haram. Sama halnya dengan pelacur-pelacur didalam rumah-rumah pelacur yang sukar untuk dibuktikan sebaliknya kerana mereka tidak keluar ditempat-tempat awam untuk mendapatkan pelanggan. Apa yang selalu terjadi ialah penangkapan terhadap pelacur-pelacur kelas bawahan yang biasanya terdapat di lorong-lorong gelap dan kawasan terpencil yang tersembunyi dan juga 'pendan' yang sentiasa berkeliaran dikawasan-kawasan yang sama.

Minor Offences Ordinance 1955, memperuntukan beberapa seksyen yang berkaitan dengan pelacuran. Sekali lagi kita dapati seksyen-seksyen ini tidak mengatakan bahawa pelacuran "per se" itu adalah satu kesalahan. Dikatakan disini kalau pelacur-pelacur yang datang atau memasuki kawasan-kawasan atau tempat-tempat yang dinyatakan didalam seksyen ini melakukan sesuatu perbuatan sumbang atau untuk tujuan soliciting dan tuan punya tempat ini membenarkan tuan punya tempat-tempat ini dikatakan melakukan kesalahan.⁽⁵⁾ Ini barangkali adalah bertujuan untuk menghalang pencampuran pelacur dengan masyarakat dan mengikut seksyen 27(b) dari ordinance yang sama kita dapati iaitu

"every prostitute behaving in a disorderly or indecent manner in or near any place wood or in any place of public resort; shall be deemed to be an idle and disorderly

(5) Seksyen 18(1) Minor Offence Ordinance 1955.

person and shall be liable to a fine not exceeding one hundred dollars or to imprisonment for a term not exceeding one month or to both such fine and imprisonment."

Makin luas yang dapat kita pandang dalam pembuatan undang-undang kawalan pelacuran di Malaysia ini, makin banyak pula ianya menimbulkan kesangsian. Misalnya didalam seksyen 27(1)(b), hanya pelacur yang berperangai tidak senonoh atau bersikap lucah sahaja yang dikatakan salah, tidak lebih dari itu. Soal status undang-undang mengenai pelacur masih menjadi tanda-tanya didalam perundangan Malaysia.

Kanun Keseksaan menjadikan beberapa tindakan itu bertentangan dengan undang-undang kalau ianya memainkan peranan diarena pelacuran. Seksyen 372 dari kanun Keseksaan mengatakan:

"whoever sells, lets to live, or otherwise disposes of any person under age of twenty one years with intent that such person shall at any age be employed or used for the purpose of prostitution or illicit intercourse with any person or for any unlawful and immoral purpose or knowing it to be likely that such person will at any age employed or used for any such purpose, shall be punished with imprisonment for a term which may extend to ten years and shall be also liable to fine."

Dari seksyen ini dapat kita tarik kesimpulan bahawa ianya hanya menyentuh gadis-gadis yang berumur di bawah 21 tahun. Jadi kalau gadis-gadis dibawah umur 21 tahun dibawa dan dijadikan pelacur, yang melakukannya adalah salah. Oleh hal yang demikian, seksyen ini sebagaimana yang diterangkan oleh "Marginal Notes"nya,

ialah menjual remaja untuk tujuan pelacuran.

Oleh hal yang demikian ini adalah berbeza sedikit dengan seksyen 16(1)(a) Akta Perlindungan Perempuan dan Gadis 1973, kerana tidak terdapat batasan umur. Perbezaan juga terdapat didalam konteks hukuman iaitu dibawah Kanun Keseksaan ianya bolih dihukum hingga 10 tahun tetapi dibawah Akta Perlindungan Perempuan dan Gadis, cuma 5 tahun.

Seksyen 373 Kanun Keseksaan pula membicarakan tentang membeli remaja untuk tujuan pelacuran. Kedudukannya adalah lebih kurang sama dengan seksyen 16(1)(a) juga, cuma ianya tidak mempunyai batasan umur.

Membawa masuk gadis-gadis atau perempuan untuk tujuan pelacuran adalah juga salah dibawah Kanun Keseksaan.⁽⁶⁾ Tetapi peruntukan ini berbeza sedikit dengan peruntukan didalam Akta Perlindungan Perempuan dan Gadis dimana didalam seksyen 16(1)(d) dikatakan bahawa bukan sahaja dibawa masuk tapi kalau dibawa keluar pun adalah merupakan kesalahan.

Kanun Keseksaan juga membuatkan peruntukan yang cuba memberikan hukuman kepada mereka yang terlibat didalam pelacuran. Masih belum terdapat peruntukan yang dibuat untuk pelacur sendiri.

Sesudah dilihat tentang statut yang nampaknya setakat ini hanya cuba menghapuskan pergerakan atau perkembangan pelacuran dengan cara menjadikan kesalahan-kesalan yang bolih dihukum dengan penjara dan denda atau kedua-duanya kalau dilakukan oleh mereka yang menjalankan

(6) Seksyen 373A.

perniagaan pelacuran. Jadi cara-cara yang tidak langsung untuk untuk menghapuskan pelacuran ini adalah jelas dari peruntukan-peruntukan undang-undang. Kalau dilihat pula satu akta lagi dimana terdapat peruntukan yang membincangkan soal kawalan pelacuran ini, cara secara tidak langsung ini tersangat nyata. Akta tersebut adalah dipanggil sebagai "Registration of Guest Act 1965" yang berjalan kuatkuasanya pada 1hb Oktober, 1965. Umpamanya dibawah seksyen 3(1) nya dikatakan:

"it shall be the duty of the keeper of any specified premises:

- (a) to keep a register in the form in the first schedule of all persons lodging at the premises who are not servants of the keeper of the premises and who are not under the age of twelve years."

Dibawah seksyen 3(1)(b) pula dikehendaki tuan-tuan punya tempat-tempat ini mendaftarkan nama, alamat dan seterusnya didalam Buku Pendaftaran mereka. Sama halnya semasa orang-orang meninggalkan tempat-tempat itu.

Menurut seksyen 4 nya pula kita dapati bahawa akta ini menjadikan kesalanan kalau tuan-tuan punya tempat-tempat ini gagal untuk mendaftarkan butir-butir yang dikehendaki oleh akta dan bolih di hukum hingga satu tahun penjara atau didenda hingga \$2,000 atau kedua-duanya sekali.

Apa yang selalu terjadi ialah kalau pihak Polis mengetahui bahawa sesebuah hotel atau rumah tumpangan itu adalah sebenarnya rumah pelacuran, maka mereka akan pergi ke hotel-hotel dan meminta

untuk memeriksa Buku Pendaftaran ini, dan menurut seksyen 3(3) dari akta ini, tuanpunya rumah ini hendaklah menyediakan Buku Pendaftaran untuk pemeriksaan Polis jika dikehendaki. Dengan kuasa ini Polis akan memeriksa Buku Pendaftaran dan kalau didapati nama-nama orang yang berada didalam bilik tetapi tidak didaftarkan maka tuanpun tempat ini adalah dikatakan melakukan kesalahan. (Biasanya dihotel yang mempunyai pelacur untuk perdagangan dimana tuan-tuanpunya hotel hidup atas hasil kearah ini, tidaklah terdapat pendaftaran pelacur-pelacur ini kerana terlalu kerap masuk keluar bilik apabila pelanggan datang untuk melakukan pejacuran). Dengan hal yang demikian kebanyakan hotel yang mempunyai perniagaan pelacuran ini akan tidak dapat memberikan pendaftaran yang betul dan lengkap ataupun selalunya tidak dapat membenarkan perbuatannya yang tidak mendaftar itu.

Adakah lalanya keterangan-keterangan palsu diberikan atau didaftarkan perkara-perkara yang palsu tetapi dibawah akta ini, ianya adalah merupakan kesalahan juga, dan pihak Polis bolih memintaeterangan lanjut kalau ia percaya perkara yang didaftarkan itu adalah tidak benar. Ini diterangkan dibawah seksyen 4(2)(a) dan (b).

Dengan terdapatnya akta ini, ianya cuma menjadi penolong dalam usaha melancarkan serangan terhadap perkembangan pelacuran di Malaysia. Ini adalah disebabkan, tuanpunya hotel-hotel dan rumah jumpanan ini bolih membuatkan helah yang berbagai-bagai demi untuk mengelakkan daripada tertangkap oleh pihak berkuasa; dengan mengatakan bahawa yang tidak mendaftar itu adalah pekerjanya dan

seterusnya. Oleh hal yang demikian dapat dikatakan bahawa kita ini cuma menambah kawalan yang ada.

Banishment Act⁽⁷⁾ dan Restricted Residence Enactment⁽⁸⁾ membuat beberapa peruntukan untuk mengawal perkembangan hotel-hotel yang menjalankan pelacuran dan juga rumah-rumah lacur. Ini dilakukan dengan menghadkan pergerakan atau menahan dari memasuki sesuatu kawasan, seseorang yang ditangkap kerana menjalankan perniagaan pelacuran. Dengan ini akan patahlah usaha seseorang itu untuk mengembangkan pelacuran. Kalau sekiranya seseorang yang menjalankan rumah-rumah lacur ataupun hotel yang mempunyai perniagaan pelacuran itu terdiri yang bukan warganegara, ianya akan dihalau keluar ataupun banished dari negara ini.

Satu lagi perundangan yang membuat peruntukan untuk mengawal pelacuran di Malaysia ini ialah Akta Immigresyen 1963. Ianya adalah mementingkan scal kawalan pelacur-pelacur yang datang ke negara ini dari luar negeri. Seksyen 8(3) nya memberikan senarai jenis-jenis kumpulan orang yang dipanggil sebagai 'Prohibited Immigrant', dan ini termasuklah:

"any prostitute, or any persons who is living on or receiving or who, prior to entering the Federation lived on or received, the proceeds of prostitution."

Dengan ini bermakna bahawa seseorang pelacur atau yang menjadi pelacur sebelum masuk ke Semenanjung adalah dikelolongan dibawah bolongan 'Prohibited Immigrant', dan dibawah seksyen kecil (2)(b) nya pula menegaskan bahawa 'Prohibited Immigrant' ini tidak dibenarkan

(g) Seksyen 2 Restricted Residence Enactment FMS (Cap 39).

(7) Seksyen 5(1), Banishment Act.

masuk ke Semenanjung kecuali ianya diberikan kebenaran sah (valid pass). Biasanya golongan ini tidak dibenarkan masuk langsung ke Semenanjung, walaupun bagaimanapun hal ini adalah sangat-sangat sukar untuk diterima kerana mereka yang ingin masuk ke Semenanjung tidak akan meyakinkan bahawa mereka adalah pelacur. Maka berlandaskan alasan inilah seksyen 14(4) diperuntukannya. Ianya menerangkan bahawa walaupun seseorang itu masuk ke Semenanjung dengan menggunakan permit atau sijil kebenaran, tetapi seandainya pengarah Imigresyen berpuashati yang orang itu adalah dari golongan 'Prohibited Immigrant', pengarah boleh mengistiharkan pada bila-bila masa bahawa hadzirnya orang itu di Semenanjung adalah tidak sah. Seksyen 15 pula mengatakan apa bila pengistiharan ini dibuat maka orang itu tidak dibenarkan tinggal langsung di Semenanjung dan kalau tidak diikuti arahan ini, maka ianya adalah dikatakan melakukan kesalahan dibawah seksyen 15 ini.

Apa yang dapat ditentukan disini ialah kalau dapat ditangkap pelacur-pelacur dari luar negeri ini yang kehadzirannya di Semenanjung tidak sah, akan di suruh meninggalkan Malaysia dan akan dihantar balik ke negeri asal mereka.

Satu lagi golongan 'Prohibited Immigrant' adalah mereka yang bertanggung-jawab atas pembawaan masuk gadis-gadis atau perempuan-perempuan untuk tujuan pelacuran atau tujuan-tujuan criminal yang lain. Ini dinyatakan oleh seksyen 8(3)(f). Jadi kalau mereka ini dapat ditangkap, maka akan dihantarkan balik ke negeri masing-masing juga.

Sebagaimana yang sudah dimaklumkan bahawa kebanyakan pelacur-pelacur dari luar negeri ini akan masuk secara haram dan akan diperniagakan kepada tuan-tuan punya hotel dan rumah lacur di Malaysia. Sesiana yang menjadi pelindung pada gadis-gadis ini juga boleh didakwa dibawah akta ini.

(9)

Pada keseluruhannya, setelah diperiksa dan dinanalisa peruntukan statut-statut yang mengawal atau yang ada kena-mengena dengan pelacuran, kita dapat membuat kesinoualan bahawa peruntukan-peruntukan undang-undang di Malaysia didalam bidang ini adalah lebih cenderung ke-arah pemulihan akhlak daripada corak hukuman. (Oriented toward rehabilitation rather than punishment). Akta Perlindungan Perempuan dan Gadis terang-terang menyokong kenyataan ini kerana sebahagian besar dari peruntukan undang-undang didalam Akta Perlindungan Perempuan dan Gadis 1973 adalah mengenai dengan pemulihan akhlak. (10) Umpama nya kalau kita teliti dalam preamble akta ini yang berbunyi:

"an act to amend and consolidate the law relating to the protection of women and girls and to provide for matters incidental thereto."

Maksud akta ini adalah untuk memberi perlindungan kepada perempuan dan gadis dan barangkali kerana itulah mereka yang cuba mempergunakan perempuan dan gadis ini selalunya di hukum tetapi tidak sigadis atau perempuan itu sendiri. Bahagian III akta ini menerangkan dengan lebih lanjut mengenai dengan pemulihan akhlak.

Seksyen 7(1) mengatakan kalau protector mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa gadis-gadis dibawah umur 21 tahun dilatih atau digunakan untuk tujuan pelacuran atau lain-lain tujuan immoral,

(9) Seksyen 56(1)(d) Akta Immigration.

(10) Lihat Bab IV, pemulihan akhlak.

ataupun kerapkali tinggal didalam rumah-rumah pelacuran, ataupun kerapkali dibawah jagaan tuanpunya rumah pelacuran atau sesiapa yang menjalankan perniagaan mengenai dengan pelacuran di rumah-rumah pelacuran tersebut, maka protector dikatakan belih memberi arahan supaya perempuan atau gadis tersebut dipindahkan ke 'place of refuge' dan ditahan untuk sementara waktu sebelum dibawa ke Mejisteret dalam masa 24 jam.

'Place of refuge' didefinisikan sebagai mana-mana tempat 'refuge' yang diluluskan bagi maksud-maksud yang perlu didalam akta ini.

Seksyen 8(i) pula mengatakan kalau Mahkamah Mejisteret mempercayai seseorang perempuan yang dibawah umur 21 tahun telah diberi layanan buruk (ill treated) atau tidak dihiraukan (neglected) ataupun terdedah kepada bahaya moral (exposed to moral danger) memerlukan perlindungan, mahkamah belih membuat perentah memindahkan gadis-gadis ini ke rumah pemulihan sehingga penyelidikan mengenai gadis-gadis ini dibuat dan dihantar lapuran ke mahkamah demi untuk menentukan dimanakah mereka harus dihantar.

Seksyen ini merupakan satu peruntukan berjaga-jaga kepada gadis-gadis ini. Ini adalah kerana kalau kita pandang, ianya lebih merupakan langkah-langkah keselamatan sebelum sesuatu yang lebih teruk berlaku kepada gadis-gadis ini. Untuk maksud ini gadis-gadis ini tidak seharusnya merupakan pelacur. Ia mungkin terdiri

pelayan-pelayan bar (satu cara mendampingi diri dengan pelacuran) atau gadis-gadis yang tidak mendapat perhatian ibubapa ataupun mereka yang bercampur dengan perempuan-perempuan jahat.

Yang pentingnya ialah kalau mahkamah dengan pertimbangan yang subjektif, bolih menentukan sahada seseorang gadis itu terdedah kepada bahaya moral atau tidak. Kalau ia, gadis itu bolih ditahan.

Akta ini juga memberikan kuasa kepada mahkamah nejisteret untuk menerima aduan atau permintaan dari ibubapa-ibubapa yang telah tidak mempunyai daya untuk mendidik anak-anak gadis mereka dan akibatnya gadis-gadis ini terdedah kepada bahaya moral,⁽¹¹⁾ dan mahkamah bolih menentukan apa tindakan yang harus diambil.

Seksyen 9 pula membolihkan protector memberi perlindungan kepada gadis-gadis yang memerlukan perlindungan dan menulis kepada protector yang ianya diugut supaya menjadi pelacur atau disuruh melakukan perhubungan jenis dengan orang lain ataupun ia ditahan dimana bertentangan dengan peruntukan akta. Didalam seksyen ini dinyatakan bahawa lama masa seseorang gadis itu bolih disimpan di 'Place of refuge' adalah terletak ditangan protector.

Seksyen 10 mengatakan bahawa kalau protector mempunyai sebab yang menasabah untuk mempercayai yang seseorang gadis itu dibawa masuk atau keluar dari Malaysia atau dikuasai seseorang gadis itu dengan cara 'fraud', 'false representation' atau 'false pretence', untuk maksud-maksud pelacura, ataupun digalakkkan seseorang gadis itu

(11) Seksyen 8(2).

digunakan sebagai pelacur dan seterusnya, maka protector boleh memberi arahan agar gadis tersebut dipindahkan ke 'place of refuge' dan kemudian ditentukan oleh mahkamah.

Selain daripada peruntukan berbentuk rehabilitation yang terdapat dibawah akta Perlindungan Perempuan dan Gadis 1973 ini, kita dapati bahawa ada satu lagi akta yang memberi peruntukan yang sama bentuknya, iaitu pemulihan. Akta ini ialah Juvenile Court Act 1947. Mengikut seksyen 35nya, ia mengatakan bahawa kanak-kanak yang terdedah kepada bahaya moral adalah memerlukan perlindungan. Ini menunjukkan bahawa kanak-kanak yang dimaksudkan adalah termasuk kanak-kanak perempuan. Seksyen 6 nya pula memberi kuasa pada Mahkamah Kanak-Kanak untuk menyelidik seseorang kanak-kanak yang ditangkap demi untuk memisahkannya dari bergaul dengan orang-orang yang tidak diingini.

Seksyen 35(2) mengatakan bahawa kenyataan seseorang kanak-kanak berjalan tanpa tujuan (*found destitute or found wandering*) adalah bermakna terdedah kepada bahaya moral. Ini bermakna, satu pengawasan kepada kanak-kanak agar tidak terjerumus ke lembah-lembah yang tidak diingini..

Seksyen 36 nya memberi kuasa kepada mahkamah untuk memerintah pegawai-pegawai sosial welfare/pegawai polis menghantar kenak-kanak yang memerlukan perlindungan ketempat-tempat pemulihan.

Demikianlah bentuk pemulihan yang termaktub di statut yang telah dibincangkan.

Sebab-sebab dan alasan bagi mengadakan undang-undang ini

Sebagaimana yang telah kita lihat diatas iaitu sebahagian besar daripada peruntukan undang-undang mengenai dengan pelacuran ini adalah berbentuk 'rehabilitative'. Oleh hal yang demikian kita dapat mengatakan bahawa pihak Penggubal Undang-Undang ataupun badan perundangan mempunyai sesuatu tujuan yang tertentu dalam meneluarkan undang-undang yang begini rupa. Seperti yang telah dikatakan, barangkali pihak badan perundangan sedar bahawa:

- (1) adalah mustahil bagi menghapuskan pelacuran kerana iaanya akan sentiasa wujud selagi ada lelaki dan perempuan dibumi ini,
- (2) barangkali badan perundangan berpendapat bahawa dengan cara menyediakan perundangan yang cuba mematahkan pelacuran maka akan dapat dihapuskan pelacuran secara tidak langsung,
- (3) barangkali badan perundangan berpendapat bahawa memang sukar untuk menghapuskan pelacuran dan dengan kerana itu, adalah lebih elek kalau dijadikan objektif sesial didalam perundangan untuk membetulkan atau membaiki semula akhlak gadis-gadis yang sudah rosak akhlak mereka.

Apa yang dapat difahamkan disini ialah cuma kemungkinan yang telah menyebabkan terdapatnya undang-ndang seperti yang kita lihat sekarang. Tidak siapa pun dapat memberikan alasan tentang pem-

buatan undang-undang ini. Barangkali ada alasan bagi badan perundangan tetapi bagi keseluruhan masyarakat belum dapat ditentukan. Sikap sesuatu masyarakat tidak sama keputusannya. Sesuatu perundangan itu haruslah menampakkan sebab dan alasan yang baik demi untuk menyokong kelahiran sesuatu undang-undang. Tetapi didalam soal undang-undang dengan moral, ini adalah satu yang sukar untuk dijalankan, kerana kedua-dua elemen ini iaitu undang-undang dan moral adalah dipengaruhi oleh satu dengan lain.

Pada tahun 1954, di England suatu jawatankuasa dibentuk demi untuk mengkaji kedudukan undang-undang pada masa itu mengenai dengan pelacuran dan 'homosexuality'. Jawatankuasa Wolfenden⁽¹²⁾ ini menyerahkan lapuran mereka pada tahun 1957 dan menyarankan beberapa perubahan bagi undang-undang yang ada pada masa itu. Dipersetujui didalam jawatankuasa itu iaitu walaupun pelacuran tidak sepatutnya diharamkan tetapi dikatakan perundangan haruslah disahkan untuk "drive it off the street" atas alasan soliciting dikawasan umum yang menjadi kecanggungan terhadap masyarakat. Sebagai akibat dari saranan jawatankuasa ini, kita dapati di England, The Streets Offence Act 1959. Didalam lapurannya, pehak jawatankuasa mengatakan:

"the function of the criminal law, as we see it, is to preserve public order and decency, to protect the citizen from what is offensive or injurious and to provide sufficient safeguards against exploitation or corruption of others, particularly those who are specially vulnerable because they are young, weak in body or mind or inexperienced....."(13)

(12) Report of the committee on homosexual offences and prostitution (CMD) 1957 muka 247.

(13) Perenggan 13 dari lapuran jawatankuasa Wolfenden.

Barangkali ini jugalah yang menjadi alasan pada badan perundangan kita dalam meluluskan undang-undang mengenai dengan pelacuran. Tetapi sejauh mana kebenaran ini dapat dipertahankan adalah masih belih dipersoalkan. Ini adalah kerana walaupun pelacuran secara sulit dilakukan, tetapi kalau ianya mengganggu ketenteraman masyarakat ini, adalah juga merupakan satu kesalahan. Tetapi keengganan badan perundangan didalam mengatakan bahawa pelacuran itu haram adalah mungkin kerana kalau diantara seseorang lelaki dan perempuan, sesuatu perhubungan jenis dilakukan dengan sukarela, tidak sesiapa pun harus mencampuri hal ini. Ini adalah soal peribadi, sehinggalah ianya memberi gangguan kepada masyarakat baharulah kesalahan timbul. Tetapi mengikut Lord Devlin didalam bukunya *The Enforcement of Morals*,⁽¹⁴⁾ mengatakan bahawa immorality walaupun ditempat-tempat sulit adalah merupakan sesuatu yang mengancam masyarakat dan kerana itu harus dijadikan pelacuran itu haram.

Perbandingan dengan sistem-sistem luar negeri dan saranan-saranannya

Sepertimana yang telah diperkatakan, bahawa pelacuran ini berkembang dengan tamaddun dan ianya akan tetap wujud walau bagaimanapun undang-undang dilakukan. Oleh itu pembasmiannya adalah satu perkara yang mustahil. Barangkali kerana inilah banyak negara-negara asing yang cuma membuat undang-undang untuk mengawal perkembangan pelacuran sahaja, malahan setengahnya menjadikan ianya sah tetapi tertakluk kepada beberapa sekatan-sekatan tertentu. Cara yang selalu digunakan ialah dengan memberi lesen. Contoh yang paling baik ialah

(14) Oxford University Press 1959 muka 13-14.

di Nevada, America Syarikat dimana dibenarkan mendirikan rumah-rumah lacur, selagi ianya tidak didirikan di kawasan-kawasan yang sibuk atau dalam jarak 400 elai dari sekolah atau gereja dan hendaklah jangan mengganggu ketenteraman awam. Bermacam-macam peraturan dibuat untuk menentukan perjalanan rumah-rumah lacur ini dan kutipan hasil juga dibuat oleh pihak kerajaan di Nevada ini, pelacur-pelacur yang tinggal dirumah-rumah lacur ini dikehendaki membawa kad-kad yang tertentu yang diperolehi dari pihak Polis atau pegawai Undang-undang daerah yang akan mengenalkan diri mereka sebagai pelacur. Pelacur-pelacur ini juga diambil cap-cap jari mereka dan dikehendaki mereka ini mendapatkan peperiksaan doktor tiap-tiap minggu. Biasanya mereka tidak dibenarkan meninggalkan rumah-rumah lacur ini dan bercampur dengan ahli-ahli masyarakat. (15)

Dengan mengadakan sistem yang semacam ini maka dapatlah ditentukan berapa ramai pelacur dikawasan itu dan juga akan dapat menentukan kebersihan diri mereka. Kawalan keatas pelacur-pelacur ini adalah lebih berkesan.

Dinegara Perancis, keadaan yang sama didapati. Di sini Pendaftaran bagi pelacur-pelacur adalah dimintakan dan dikehendaki datang ke sebuah 'tribunal' yang dikenali sebagai "Bureau des Moeurs" dimana mereka dikehendaki mengisi butir-butir lanjut mengenai diri mereka. Kalau didapati ibubapa pelacur-pelacur ini masih hidup dan sanggup menerima mereka, mereka akan dihantar balik kepada ibubapa mereka. Kemudian mereka akan dihantar ke "Bureau Sanitaire",

(15) Charles Winnick and Paul McKinsie, The lively Commerce - muka 21-22.

untuk menjalani pemeriksaan doktor dan selepas ini ia boleh menjadi pelacur. (16)

Beberapa peraturan dibuatkan untuk pelacur-pelacur di Perancis ini dan dinyatakan peraturan-peraturan ini dibelakang tiket yang dikenali sebagai Carte yang diberikan kepada mereka. (17) Pelacur-pelacur disini akan hanya dijumpai disatu-satu kawasan tertentu dan tidak dibenarkan 'solicit'.

Di India, walaupun peruntukan undang-undang mengenai dengan pelacuran ini agak ketat tetapi terdapat satu sistem yang wujud dengan sendirinya dimana sesuatu kawasan itu kehadiran pelacur-pelacur itu dibiarkan. Kawasan-kawasan itu digelar sebagai "Tolerated Area". Kawasan-kawasan ini seolah-olah dibiarkan oleh masyarakat umum dan juga pehak polis serta kerajaan tempatan. (18) Walau bagaimanapun tidak terdapat sistem perlesenan seperti yang terdapat di Perancis atau Nevada, America Syarikat. Keadaan di India ini adalah lebih kurang sama dengan keadaan yang terdapat di Malaysia, dimana boleh dikatakan ditiap-tiap bandar besarnya, terdapat satu kawasan pelacuran yang diketahui umum dan ini termasuklah pehak Polis. Olih itu dapatlah dikatakan bahawa di Malaysia juga terdapat "tolerated areas" ini.

(16) William Acton - PROSTITUTION - Frederick A. PRAEYER, Published Warmington - muka 97-98.

(17) Lihat Lampiran I.

(18) S.D. Punvekar and Kamala Rao - A study of Prostitutes in Bombay, Lalvani Publishing home - muka 8.

Oleh hal yang demikian dapatlah dikatakan bahawa buat masa ini terdapat dua sistem kawalan pelacuran. Pertama sekali ialah mengikut cara yang dijalankan dikebanyakan negara di Benua Eropah dan yang keduanya ialah cara yang didapati di India dan dibeberapa negara Asia termasuk Malaysia.

Hujah yang dibuat mengenai sistem yang pertama ialah dikatakan iaitu adalah lebih elok diiktiraf sesuatu yang tidak bolih ditahan, diuruskan dari dibiarkan dan kerana tidak bolih dihapuskan lebih elok ditentukan syarat-syarat dimana ia harus wujud. Sistem yang kedua pula, alasan yang diberi adalah kerana pelacuran ini adalah salah disisi ugama maka adalah menjadi tugas pemerintah untuk menghapuskannya dan jika sekiranya tidak mungkin dilakukan, ianya harus dibiarkan. Tetapi biasanya dalam soal ini, pehak pemerintah seolah-olah membenarkannya secara tidak langsung.

Dalam meneliti soal sistem perlesenan, seseorang mungkin akan mengatakan bahawa memberi lesen itu merupakan memberi keizinan kepada pelacuran dan ini adalah sesuatu tindakan yang tidak harus dijalankan. Dengan memberikan lesen ini juga bermakna bahawa, perkembangan rumah-rumah lacur akan bertambah dan ini adalah tidak diingini kerana ianya bolih dianggap sebagai galakan kepada pelacuran.

Tetapi kalau mahu diikutkan sistem yang kedua, bermakna juga bahawa satu sikap tidak peduli akan wujud akibat ketidakcekapan undang-undang dalam membenteras pelacuran dan ini adalah tersangat merbahaya. Akan berkembang juga pelacuran dimana-mana. Umpamanya

menjadi pelacur tidak merupakan satu kesalahan disisi undang-undang di Malaysia tetapi kalau gadis-gadis yang dibawah umur ditangkap, pemulihian akan dijalankan. Dengan terdapatnya pemulihian tidak ber

makna bahawa kawalan terhadap perkembangan pelacuran ini akan bertambah baik. Pelarur-pelacur akan tetap bertambah dan dari itu jelas bahawa sistem ini juga mempunyai kelemahannya. Buat masa ini di Malaysia pihak pemerintah selek-seleknya memberi keizinan kepada kelahiran pelacuran. Oleh hal yang demikian sesuatu yang baharu harus dilakukan.

Kesimpulan yang didapati setakat ini adalah bahawa pelacuran akan tetap wujud. Ini adalah satu perkara yang tidak dapat dielakkan dan kalau begitu sebal ini harus diterima sebagai satu hakikat. Ianya harus dihadapi dengan pemikiran yang lojik. Tidak sepatutnya ia dibiarkan begitu sahaja. Ingin dicadangkan disini bahawa sistem perlesenan sebagaimana yang terdapat di Perancis harus dijalankan di Malaysia. Walau bagaimanapun harus dibuat beberapa perbezaan dengan sistem di negara Perancis itu. Satu kawasan-kawasan tertentu perlu diadakan dan kawasan ini hendaklah terletak diluar kawasan yang sibuk seperti yang dibuat di Nevada, Amerika Syarikat. Tetapi dalam membuat sistem ini, harus diingatkan bahawa di Perancis gadis-gadis belih membuat permohonan untuk menjadi pelacur tetapi di Malaysia ini tidak harus dijalankan kerana ianya merupakan satu galakan kepada gadis-gadis. Tetapi konsep sistem ini belih dijalankan di Malaysia. Semua pelacur-pelacur ini haruslah didaftarkan nama mereka dan semua butir-butir lanjut mengenai diri mereka. Hendaklah juga

dibuat peraturan-peraturan untuk mengawal pergerakan pelacur-pelacur ini. Ini dapat dicontohi dari peraturan yang dibuat di Perancis,⁽¹⁹⁾ yang diantara lainnya menyekat pesampuran perempuan-perempuan lacur ini dengan ahli masyarakat yang lain. Mereka ini harus dikenakan peraturan untuk mendapatkan pemeriksaan doktor tiap-tiap minggu. Ini akan dapat menawal perkembangan penyakit kelamin. Mereka ini juga harus membawa kad-kad pengenalan tertentu agar mereka dapat dikenali. Mereka ini juga hendaklah dikawal agar tidak mengganggu keamanan awam. Mungkin dengan mengadakan sistem perlesenan ianya sukar untuk diterima oleh masyarakat disini. Ini adalah kerana masyarakat di Malaysia ini memtingkan tatatertib atau tata-susila dan lebih-lebih lagi kerana Islam menjadi ugama resminya.

Disisi Islam pelacuran adalah satu-satu yang haram, jadi kalau dibenarkan ianya adalah berdosa. Tetapi haruslah disedari iaitu sudah sekian lama lahirnya pelacuran di masyarakat kita, masih gagal lagi usaha-usaha untuk menghapuskannya. Ini lebih-lebih lagi benar apabila masyarakat disekitarnya tidak ambil pusing langsung tentang masalah ini. Lantaran itu dapatlah dikatakan bahawa telah sekian lama masyarakat secara tidak langsung memberi keizinan kepada pelacuran untuk wujud dan dari itu haruslah ianya dibincangkan dengan cara yang menasabah.

Telah dikatakan bahawa usaha untuk menghapuskarnya adalah mustahil dan dari itu adalah lebih elok kalau ianya diiktiraf sepenuhnya dan diadakan kawalan-kawalan tertentu agar ianya tidak berkembang pesat dan dengan cara ini juga kesan ataupun bahawa-bahayanya terhadap ahli-ahli masyarakat yang lain dapat dikurangkan. Adalah lebih

(19) Lihat lampiran 1.

berguna kalau ianya dikawal dengan satu sistem tertentu dari dibiarkan ianya begitu sahaja dan kawalan yang dibuat hendaklah tegas. Mungkin sistem pelacuran ini, kalau dijalankan ianya akan membawa perubahan di Malaysia dalam soal pelacuran.

Satu cara lagi ialah dengan mengatakan dengan tegas yang pelacuran itu adalah tidak sah disisi undang-undang. Kalau begitu menjadi pelacurpun adalah hendak dikatakan salah. Dengan adanya perundangan yang semacam ini, mungkin akan jelas kedudukannya, iaitu pelacuran adalah haram. Kalau untuk menghapuskan pelacuran dengan mengatakan bahawa pelacuran itu haram, harus juga dibuat undang-undang yang mengatakan bahawa pelanggan-pelanggan juga melakukan kesalahan kalau ia membuat hubungan dengan pelacur-pelacur. Sebenarnya sistem ini adalah dijalankan di negara asing,umpamanya di Illinois America Syarikat pada 1916 undang-undang telah diluluskan dimana dikatakan kalau seseorang pelanggan didapati berhubung dengan pelacur adalah salah dan kalau thabit kesalanannya ianya belih didenda hingga ke \$200 ataupun 6 bulan penjara.⁽²⁰⁾ Pada tahun 1965 pula New York membuat undang-undang yang sama dimana dikatakan pelanggan juga melakukan kesalahan seperti pelacur. Rang undang-undang ini dikenali sebagai Customer Amendment. Rang undang-undang ini diluluskan.⁽²¹⁾ Oleh itu sistem inipun belih dijalankan di Malaysia.

(20) The lively Commerce - muka 238.

(21) Ibid - muka 237, sebenarnya 24 negeri di Amerika menjalankan Undang-undang ini.

Oleh yang demikian, kita mempunyai dua sistem untuk dipertimbangkan iaitu samada diikut sistem perlesenan ataupun diharangkan seluruhnya. Mana-mana sistem yang diikuti, hendaklah disertakan dengan daya usaha yang kuat agar ianya berjaya.

BAB III

AGENSI PENGUATKUASA UNDANG-UNDANG

Sesudah dibuat pembicaraan tentang soal perundangan di Malaysia mengenai dengan pelacuran, maka adalah penting juga didalam konteks ini, dibincangkan persoalan agensi penguatkuasa undang-undang. Sebagaimana yang telah sedia maklum, sementara Parlimen membuat undang-undang, agensi-agensi penguatkuasa salah yang akan menjalankan semua undang-undang ini. Olih hal yang demikian mereka juga bertanggung-jawab didalam mengawal pelacuran di negara ini.

Di Malaysia, kerana terdapatnya 13 buah negeri, maka di-tiap-tiap negeri ini, mereka mempunyai penguatkuasa undang-undang sendiri dan kesemua mereka adalah tertakluk kepada Kerajaan Pusat. Agensi-agensi penguatkuasa yang dimaksudkan ialah:

- (1) Jabatan Polis
- (2) Jabatan Kebajikan Masyarakat
- (3) Jabatan Immigeresyen
- (4) Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam

Setiap jabatan yang disebutkan diatas ini adalah mempunyai tugas-tugas tertentu didalam mengawal pelacuran. Didalam menunaikan kewajipan ini, mereka mempunyai cara-cara tertentu untuk menjadikan pekerjaan mereka berkesan. Didalam bab ini akan dibincangkan tentang:

- (1) Struktur badan-badan itu
- (2) Fungsi dan perlaksanaannya
- (3) Kesan-kesan perlaksanaannya
- (4) Kuasa-kuasa yang ada
- (5) Komen

(1) Jabatan Polis

Setiap Jabatan Polis di seluruh Malaysia akan mempunyai satu bahagian khas yang digelar sebagai Bahagian Pencegah Maksiat. Sebagaimana namanya mencadangkan, tugas bahagian ini adalah untuk membentras semua maksiat-maksiat termasuklah pelacuran. Jabatan Polis Pulau Pinang juga mempunyai Bahagian Pencegah Maksiat ini, agak berbeza dengan lain-lain negeri di Malaysia, Bahagian Pencegah Maksiat di Pulau Pinang ini diberi tugas untuk mengawal dadah, perjudian dan pelacuran. Tidak terdapat satu unit khas demi untuk mengawal pelacuran sahaja dan dengan ini juga bermakna tidak terdapat pengkhususan di jabatan ini.

Bahagian Pencegah Maksiat Pulau Pinang terdiri daripada 2 orang pegawai (kedua-duanya berpangkat Inspektor), seorang sarjan, 4 orang mata-mata gelap dan 4 orang Polis Wanita. Pegawai-pegawai yang terdapat di jabatan ini juga terdiri daripada wanita-wanita. Ini akan membolihkan terdapatnya perjalanan licin didalam menyelesaikan masaalah pelacuran. Bolih dikatakan bahawa dengan terdapatnya pegawai-pegawai wanita, maka perempuan-perempuan lacur ini akan lebih mudah menyuarakan masaalah mereka tanpa segan-segan atau ragu-ragu. Semasa menjalankan tugas mereka, kakitangan Bahagian Pencegah Maksiat ini tidak memakai pakaian seragam.

Segala lapuran-lapuran yang didapati mengenai penangkapan disini akan dihantarkan kepada ibu pejabat Bahagian Pencegah Maksiat di Kuala Lumpur. Ketua Bahagian Pencegah Maksiat Pusat

ini adalah juga seorang wanita. Bahagian pusat ini akan mengumpulkan semua lapuran-lapuran dari tiap-tiap negeri di Malaysia dan mereka bertindak sebagai Biro Penerangan Pusat mengenai pelacuran di seluruh negara. Jadi apabila dikehendaki rekod-rekod mengenai dengan penangkapan yang akan dibuat, Ketua Bahagian Pencegah Maksiat Negeri akan menghubungi Biro Penerangan Pusat dan mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan. Dengan cara ini pelacur-pelacur yang berpindah dari satu bandar ke bandar yang lain dapat dikesan.

Dalam menjalankan tugas atau pekerjaan, biasanya pehak jabatan ini mendapatkan maklumat-maklumat dari orangramai yang memberitahu secara sulit. Berdasarkan maklumat-maklumat ini, Polis akan bertindak dan membuat penyerbuan ke tempat-tempat yang dimaksudkan. Kadang-kadangnya, penyerbuan ke sarang-sarang pelacur dan hotel-hotel, dibuat dengan ikhtiar sendiri, tetapi ini tidak merupakan suatu usaha yang besar. Pengharapan ditumpukan kepada maklumat-maklumat yang akan disampaikan oleh orangramai. Mata-mata Gelap yang terdapat didalam jabatan ini juga digunakan untuk membuat penyiasatan dikawasan-kawasan pelacuran dan menyampaikan lapuran penyiasatan kepada Bahagian Pencegah Maksiat. Penyerbuan ke sarang-sarang pelacur dan pemeriksaan ke hotel dijalankan tidak mengikut waktu. Sebaik sahaja mereka mendapat maklumat-maklumat, mereka akan terus menjalankan urusan dan adakalanya dilakukan di tengah malam. Pemeriksaan ke hotel-hotel dijalankan dengan cara memeriksa dari bilik ke bilik dan cuba membuat penangkapan kalau terdapat apa-apa kesalahan dilakukan bertentangan dengan undang-

undang yang berkaitan iaitu Akta Perlindungan Perempuan dan Gadis 1973. Akta ini memberikan beberapa kuasa kepada pihak Polis untuk menjalankan tugas mereka didalam mengawal pelacuran dan berlandaskan kurniaan kuasa-kuasa inilah pihak Polis bertindak. Kuasa-kuasa yang dimaksudkan ini terkandung didalam Bahagian V akta tersebut iaitu bahagian "Powers of search, seizure and arrest and penalties for obstructing the exercise of such powers". Umpamanya seksyen 23(i) memberikan kuasa pegawai Polis yang berpangkat Inspektor dan keatas untuk memeriksa sesuatu tempat, merampas apa-apa dokumen dan membuat penangkapan. Seksyen tersebut berbunyi:

23(i) "where a magistrate has reason to believe that a female person is being concealed, confined or detained in any place in contravention of any of the provisions of this act or that an offence against this act has been or is being committed in any place, the magistrate may issue a warrant authorising any Police Officer not below the rank of an Inspektor to -

- (a) enter and search such place;
- (b) seize and detain any articles or documents relating to the offence;
- (c) search and arrest any person reasonably believed to be liable to be prosecuted for an offence under this act, and
- (d) search and remove any female person who is liable to be dealt with under Section 7, 8, 10 or who is being concealed, confined or detained in contravention of any of the provisions of this act, to a place of refuge to be there detained for purpose of enquiring into the circumstance of the case in accordance with the provisions of Part II."

Jelas daripada seksyen ini bahawa Inspektor Polis dan yang berangkat atasan hanya boleh menjalankan kuasanya untuk tindakan (a) hingga (d) kalau ia mendapat waran dari Mejisteret.

Seksyen 23(2) pula mengatakan bahawa kalau sekiranya pegawai Polis berpandapat bahawa dengan jalan mendapatkan waran akan menjadikan kelewatan untuk membuat pemeriksaan di tempat-tempat yang dipercayai perempuan-perempuan disimpan dan ini melanggar peruntukan didalam akta, maka ia boleh membuat pemeriksaan tersebut tanpa waran tetapi dengan syarat mendapat kebenaran bertulis daripada "Protector".

"Protector" disini didefinisikan sebagai⁽¹⁾

".....the Director of Social Welfare,
the Deputy Director General of Social Welfare,
any Director of Social Welfare of West Malaysia
and such Social Welfare officers appointed by
the Minister under Section 3, and includes:-

- (a) in respect of the State of Sarawak,
the Principal Welfare Officer, Sarawak,
- (b) in respect of the State of Sabah,
the Director of Welfare Services, Sabah and
- (c) in respect of each of the States in
West Malaysia, the State Social Welfare
Officer of such state".

"Protector" yang dimaksudkan disini ialah pegawai-pegawai di Jabatan Kebajikan Masyarakat. Oleh hal yang demikian, Seksyen 23 ini membawa satu masalah kepada pegawai-pegawai Polis. Ini adalah disebabkan oleh keperluan mendapatkan waran. Ingin dinyatakan disini iaitu, kalau untuk mendapatkan waran boleh

(1) Seksyen 2.

menjadikan kelambatan didalam perlaksanaan kerja-kerja Polis, usaha untuk mendapatkan kebenaran bertulis dari "Protector" pun akan mewujudkan kelambatan. Memandangkan sifat kesalahan (nature of the offence) yang dinyatakan dibawah seksyen 23(1)⁽²⁾, bolehlah dikatakan bahawa kesalahan-kesalahan ini besar dan memerlukan tindakan segera. Tetapi malangnya pehak Polis secara tidak langsung dihalang untuk menjalankan tugas mereka secepat mungkin.

Kuasa menangkap tanpa waran hanya diberikan kepada Pegawai Polis (iaitu Inspektor dan keatas) oleh seksyen 24.

24(i) "any Police Officer not below the rank of Inspector may arrest without warrant -

- (a) any person found committing or attempting to commit or employing or aiding any other person to commit or abetting the commission of an offence against this act; and
- (b) any person in respect of whom there is a reasonable ground to believe to be liable for prosecution for an offence against this act".

Apa yang jadi mesealah didalam seksyen 24(i) ini ialah menentukan maksud ".....found committing or attempting to commit." Mungkinkah pegawai-pegawai Polis yang dimaksudkan itu boleh membuat penangkapan orang-orang yang didapati menyalahi undang-undang ini didalam rumah-rumah pelacuran atau apakah kuasa yang diberikan ini boleh digunakan untuk penangkapan diluar kawasan pelacuran. Persoalan ini timbul sebenarnya adalah akibat daripada sekatan yang terdapat didalam seksyen 23. Dibawah seksyen 23, terdapat

(2) seksyen 2.

hanya soal kepercayaan bahawa sesuatu kesalahan dilakukan. Ingin diperkatakan disini bahawa kesalahan-kesalahan yang dinyatakan didalam akta ini adalah merupakan kesalahan yang dilakukan secara tertutup dan dikawasan-kawasan rumah yang tersembunyi. Dari sifatnya yang semacam ini maka sudah tentulah sukar bagi Pehak Polis untuk mendapati dengan nyata bahawa sesuatu kesalahan itu telah atau sedang dilakukan. Dengan yang demikian, selalunya mereka membuat serbuan ke sarang-sarang pelacuran setelah mendapat maklumat dan ini belum tentu betulnya. Oleh hal yang demikian mereka memerlukan waran kerana mereka cuma mempunyai kepercayaan bahawa sesuatu kesalahan sedang dilakukan. Ini adalah kehendak seksyen 23(i) dan (2). Dengan kata lain, seksyen 24 mungkin tidak boleh digunakan didalam situasi yang semacam ini.

Tetapi dapat juga dihujahkan bahawa seksyen 24 ini boleh digunakan untuk membuat penangkapan terhadap mereka yang dipercayai melakukan kesalahan sebagaimana yang terdapat didalam akta. Ini diterangkan oleh seksyen 24(b)⁽³⁾.

Kalau diselidik seksyen 24(a) dan (b), akan didapati bahawa seksyen ini menekankan soal penangkapan. Lantaran itu, selagi Pehak Polis tidak tahu keadaan sebenarnya yang terjadi didalam sesebuah rumah pelacur misalnya, selagi itulah seksyen 24 ini tidak boleh digunakan. Kalau pemeriksaan-pemeriksaan dihotel-hotel atau

(3) Lihat seksyen 24(b).

rumah-rumah pelacur hendak dilakukan, seksyen 23 memerlukan waran. Cuma setelah berada didalam kawasan-kawasan ini sahaja baharu penangkapan dibuat (kalau terdapat kesalahan-kesalahan yang melanggar akta dilakukan) dan ianya akan dibuat dibawah seksyen 23(i)(c).

Seksyen 24(2) pula memberi kuasa menangkap tanpa waran kepada mana-mana pegawai Polis (tidak dinyatakan samada Inspektor keatas atau tidak), sesiapa yang melanggar ⁽⁴⁾ seksyen 22 akta ini. Ianya berkaitan dengan "Illegal soliciting" ditempat-tempat awam. Penangkapan tanpa waran boleh dibuat oleh sesiapapun pegawai Polis. Sebenarnya seksyen ini menjelaskan lagi bahawa penangkapan tanpa waran ini hanya boleh dibuat kalau perbuatan itu dilihat oleh pegawai-pegawai berkenaan ataupun mengikut seksyen 24(i)(b) mempercayai yang perbuatan itu dilakukan.

Ingin dimaklumkan disini bahawa dengan seksyen 24 sahaja, pehak Polis tidak akan dapat menjalankan pekerjaan mereka dengan sempurna, lebih-lebih lagi dalam menjalankan pemeriksaan hotel-hotel dan rumah lacur. Seksyen 23 memerlukan "red-tapes". Oleh itu gangguan timbul di jabatan Polis.

(4) Seksyen 22 - "any person, who, in any place of public resort solicits or importunes for purpose of prostitution or any immoral purpose shall be guilty of an offence and shall be liable on conviction to imprisonment for a term not exceeding six months or to a fine not exceeding one thousand dollars or to both such imprisonment and fine."

Masaalah lain yang timbul didalam Jabatan Polis ini adalah berbangkit dari pengkhususan.

Di Jabatan Pencegah Maksiat Pulau Pinang misalnya tidak ada pengkhususan. Disini mereka terpaksa juga memerhatikan soal dadah dan perjudian disamping pelacuran. Keadaan ini membuatkan pembahagian masa untuk menjalankan kewajipan pengawasan ketiga-tiga masaalah ini. Oleh hal yang demikian tidak dapat pehak Polis menjalankan pekerjaan mereka dengan licin dan effektif. Ini jelas dari data-data yang diperolehi dari jabatan ini mengenai dengan penangkapan yang dilakukan dan pemeriksaan ke hotel-hotel yang dijalankan.

PEMERIKSAAN HOTEL

(5)

| TAHUN | RUMAH PELACUR | HOTEL | PENANGKAPAN |
|----------------------|---------------|----------|---|
| 1974 | 24 buah | 273 buah | 22 orang |
| 1975 | | 236 buah | 23 orang |
| 1976 (hingga Mei) | | 131 buah | 18 orang (gadis-gadis dibawah umur 21 tahun) |

(5) Data dari Jabatan Polis.

Penangkapan mereka yang menjalankan illegal soliciting

(6)

| TAHUN | PENANGKAPAN |
|-------|-------------|
| 1974 | 17 orang |
| 1975 | 6 orang |

Dalam data ini jelas bahawa tindakan kawalan Polis ini tidak begitu berkesan kerana dari jumlah yang terlalu ramai pelacur-pelacur di Bandaraya Pulau Pinang cuma beberapa kerat yang ditangkap. Mari kita lihat satu data lagi iaitu mengenai mereka yang ditangkap kerana hidup dengan hasil-hasil pelacuran.

Penangkapan mereka yang hidup dengan memakan hasil pelacuran

(7)

| TAHUN | PENANGKAPAN | CARA PENANGKAPAN |
|-------|-------------|---|
| 1974 | 30 orang | (a) gadis dirogol dan dipaksa menjadi pelacur dan apa bila ia mengandung, ia melarikan diri dan membuat aduan. (b) gadis dipaksa amalkan dadah dan kemudian disuruh melacurkan diri oleh suaminya. Ia lari dan membuat aduan. (c) isteri dipaksa menjadi pelabur oleh suaminya. Ia lari dan membuat aduan. Ketiga-tiga lelaki berkenaan telah dihadapkan di mahkamah dan didapati salah. Dijatuhkan hukuman 2 tahun penjara. |
| 1975 | 40 orang | kes masih berjalan. |

- (6) Data dari Jabatan Polis
(7) Data dari Jabatan Polis

Perangkaan-perangkaan ini telah menunjukkan dengan nyata bahawa pehak Polis Bahagian Pencegah Maksiat masih banyak kekurangan. Lebih-lebih lagi kakitangan yang telibat didalam jabatan ini cuma 11 orang dan ingin dinyatakan disini bahawa jumlah ini adalah tersangat kurang.

Sikap setengah anggota-anggota Polis juga menjadikan pekerjaan di jabatan ini bertambah buruk dan tergendala. Ini adalah soal rasuah yang dijalankan oleh setengah-setengah kakitangannya. Kegagalan didalam serbuan-serbuan ke sarang-sarang pelacur ini kadangkalanya adalah diakibatkan oleh sikap ini. Apabila mereka disogokan dengan rasuah banyak yang tidak dijalankan dan didalam soal ini rasuah adalah berbentuk wang dan barang (perempuan). Dari hal yang demikian inilah, ada baiknya kalau ditambahkan bilangan pegawai-pegawai Polis wanita didalam Bahagian Pencegah Maksiat ini.

Kesukaran yang lain yang dihadapi oleh Jabatan Pencegah Maksiat Polis ini ialah kesusahan mendapatkan bukti-bukti atau keterangan-keterangan bagi membolihkan tuanpunya hotel dan penguasa-penguasa rumah pelacur ditangkap. Walaupun pada pandangan umum memang terdapat pelacuran di sesebuah hotel tetapi bukti-bukti yang nyata yang menunjukkan bahawa tuanpunya hotel itu mengambil atau hidup atas wang pelacuran. Pelacur-pelacur bula enggan keluar untuk memberi keterangan mengatakan bahawa tuanpunya hotel itu mengambil beberapa peratus dari hasil lacurannya, oleh hal yang demikian, pehak Polis terpaksa memerhatikan sesebuah hotel

itu dan cuba mengumpulkan maklumat-maklumat yang perlu dan kemudian menjalankan gerakan. Ini bertambah jelas dari perangkaan yang didapati mengenai taukeh-taukeh hotel yang ditangkap dan dibuang daerah oleh mahkamah dengan menggunakan seksyen 2 dari Restucted Residence Enakment⁽⁸⁾.

TUAN-TUAN PUNYA HOTEL YANG DITANGKAP

| | | |
|------|---------|-----|
| 1974 | 5 orang | (9) |
| 1975 | 2 orang | |

Demikian serba masaalah yang dihadapi oleh Jabatan Pencegah Maksiat Polis Pulau Pinang. Universal declaration of human rights di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (Bahagian Ekonomi dan Sosial) 1948, didalam percubaannya untuk menghapuskan pelacuran sebagai suatu amalan yang menjatuhkan maruah gadis-gadis telah membuat beberapa kajian mengenai hal ini di negeri-negeri anggotanya. Di Malaysia, kajian menunjukkan bahawa usaha-usaha dan cara-cara menghapuskan pelacuran ini adalah menjadi satu tugas yang penting bagi Jabatan Polis dan Immigeresyen, yang mengawal dan menangkap pelacur-pelacur. Ini termasuklah penghantaran balik pelacur-pelacur dari luar negeri yang terdapat di Malaysia⁽¹⁰⁾. Dengan ini ber-

(8) S2(1) "whenever it shall appear to the minister an such written information and after such enquiry as he may deem necessary that there are reasonable grounds for believing that any person should be required to reside in any particular district or mukim or should be prohibited from entering into any particular district or districts or mukim or mukims. the minister may issue an order in one of the forms in schedule for the arrest and detention or, if he is already in prison, for the information of that person."

(9) Data dari Jabatan Polis.

(10) Encyclopaedia Britannica volume 15 Edition 15 muka 78.

makna bahawa memang telah diiktiraf bahawa tugas Polis adalah untuk mengawal pelacuran.

Memandangkan kepada keadaan dan kedudukan di jabatan ini, tidak dapat tidak, terpaksa lah beberapa bentuk perubahan dilakukan dengan segera mungkin bagi memudahkan dan melicinkan lagi pergerakan Polis ini. Ini dapat dilakukan dengan mengadakan beberapa rombakan.

(1) Soal kuasa:

Telahpun dibincangkan bahawa kuasa yang diberi kepada Polis adalah tidak mencukupi, kuasa yang lebih luas harus diberi kepada jabatan ini agar lebih bebas Bahagian Pencegah Maksiah menjalankan operasinya. Umpamanya kuasa untuk memeriksa hotel-hotel dan rumah-rumah pelacur. Sebagaimana yang telah kita lihat dalam masa membicarakan soal peruntukan undang-undang mengenai kuasa Polis, waran dari Meijisteret atau kebenaran bertulis daripada Pengarah Kebajikan Masyarakat dikehendaki⁽¹¹⁾. Perkara-perkara yang akan menghasilkan kelewatan didalam menjalankan tugas mereka ini harus dihapuskan kerana usaha menghapuskan atau mengawal pelacuran ini adalah amat penting dan mustahak. Dengan kata lain, waran ataupun soal kebenaran tidak harus ditimbulkan disini. Mereka yang berpangkat Inspektor dan keatas harus diberi kuasa untuk memeriksa tanpa waran,

(11) Lihat Sesksyen 23(i) dan (2).

sebagaimana yang terdapat didalam Akta Immigresyen 1963, dibawah seksyen 51(i) ⁽¹²⁾.

Barangkali ada orang yang akan menyatakan bahawa ini akan menimbulkan satu kuasa yang mutlak kepada Polis. Tetapi didalam soal ini usaha ini adalah sokongannya. Ianya akan memudahkan pekerjaan membasmikan pelacuran dalam di dalam menjalankan usaha ini, sedikit dari kebebasan dan hak individu terpaksa dikorbankan.

(ii) Kakitangan yang terdapat didalam Bahagian Pencegah Maksiat harus ditambah. Buat masa ini cuma terdapat 11 orang sahaja terlibat dan memandangkan kepada keadaan pelacuran yang makin berkembang lebih-lebih lagi di Pulau Pinang, haruslah digandakan jumlah kakitangan ini. Paling kurang harus terdapat 4 orang Inspektor didalam kumpulan ini. Hendaklah diberikan latihan dan pengajian undang-undang kepada mereka dengan lebih sempurna lagi agar perjalanan kes-kes yang dibawa ke mahkamah menjadi licin. Satu hal yang mustahak apabila membincangkan soal kakitangan bahagian ini, ianya haruslah sebolih-bolihnya 75% terdiri dari orang-orang perempuan demi untuk memudahkan urusan dengan pelacur-pelacur.

(iii) Memandangkan kepada tidak adanya satu unit khas untuk menguruskan soal pelacuran semata-mata, maka ingin dicadang-

(12) Akta Immigresyen 1963.

kan disini bahawa pengkhususan didalam Midang ini harus diadakan. Ianya hendaklah ditumpukan sepenuh perhatian, tidak dicampurkan dengan judi dan dadah. Dengan adanya unit khas ini agar dapatlah pembasmian pelacuran dijalankan dengan lebih berkesan⁽¹³⁾.

(iv) Sikap dan disiplin pegawai-pegawai Polis didalam Bahagian Pencegah Maksiat juga harus diubah agar rasuh tidak berleluasa. Walaupun tidak semua yang terlibat dengan persoalan ini, tetapi kehadzirannya didalam jabatan ini tidak dapat dinafikan. Dedikasi adalah perlu didalam menjalankan usaha ini. Seharusnya daya usaha untuk mengawal pelacuran ini dilandaskan kepada moral dan tidak kepada undang-undang. Janganlah kerana undang-undang menyuruh baharu usaha-usaha hendak dijalankan. Dedikasi yang macam ini harus wujud di dalam jabatan ini.

(v) Pegawai-pegawai yang terdapat didalam Bahagian Pencegah Maksiat ini hendaklah menjalankan bermacam tetek demi untuk mengelakkan kegagalan didalam perjalanan usaha ini. Umpamanya, harus dijalankan penukaran pegawai-pegawai didalam bahagian ini diantara negeri-negeri di Malaysia. Ini akan menyusahkan pengenalan diri mereka kepada orang-orang yang terlibat didalam perniagaan pelacuran. Hal ini akan membuatkan lebih kesan perjalanannya.

Ingin ditegaskan disini Bahagian Pencegah Maksiat

(13) Perkara ini dipersetujui oleh Inspektor C. Chandramalai, Ketua Bahagian Pencegah Maksiat, Pulau Pinang

telah diberi mandat untuk mengawal pelacuran di negara ini oleh undang-undang dan masyarakat seluruhnya dan lantaran itu hendaklah hasrat undang-undang ini tidak dipersia-siakan begitu sahaja dan tidak harus diberi tempat untuk pelacuran membiak.

(2) Jabatan Kebajikan Masyarakat

Malaysia mempunyai Jabatan Kebajikan sendiri. Untuk maksud ini, sebenarnya Malaysia mempunyai kementeriannya sendiri demi untuk menjaga hal-hal kebajikan rakyatnya. Justeru itu ditubuhkanlah ditiap-tiap negeri suatu Jabatan Kebajikan. Tujuan kebajikan adalah menjadi teras perjalanan jabatan ini seterusnya. Berpandukan alasan ini, sebenarnya soal kawalan pelacuran adalah juga tanggung-jawab jabatan ini.

Malahnya didalam jabatan kebajikan masyarakat ini tidak terdapat satu organisasi khas didalam bidang pengegah maksiat ini dan menurut Penolong Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Pulau Pinang, unit khas ini memang tidak pernah wujud⁽¹⁴⁾. Apa yang dapat disimpulkan dari sini ialah kerana tidak adanya unit khas, maka jabatan ini tidak terlibat langsung dengan soal menangkap dan menyelidik. Pendek kata tidak ada usaha pengawalan pelacuran secara khusus dari Jabatan ini. Apabila dikemukakan persoalan tentang ini, pegawai-pegawai dari jabatan ini mengakui bahawa mereka hanya mementingkan soal pemulihian akhlak pelacur-pelacur yang telah dihantar (setelah ditangkap oleh Polis) ke jabatan ini

(14) Ini didapati didalam satu temuduga dengan Penolong Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Pulau Pinang, Encik Ong Kah Chong.

Yang kemudiannya akan dihantar ke pusat-pusat pemulihan. Kalau pihak jabatan berpendapat bahawa gadis-gadis itu memerlukan rawatan. Rumah-rumah pemulihan ini ada yang dijalankan oleh pihak persendirian atau pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat. Rumah pemulihan yang terdapat di Pulau Pinang ini adalah dijalankan bersama oleh pihak jabatan dan pihak persendirian. Dulunya ia dijalankan oleh pihak Persendirian sahaja, tetapi di pertengahan jalan ianya diserap masuk oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Rumah Pemulihan ini di gelar sebagai Rumah Pemulihan Po Leung Kok, terletak di Babington Avenue, Pulau Pinang. (15)

Kalau diperhatikan dengan mendalam, sebenarnya jabatan ini telah diberikan kuasa yang luas didalam menjalankan usaha pengawalan dan pemulihan bagi pelacuran ini. Umpamanya didalam akta Perlindungan Perempuan dan Gadis 1973, di merata-rata bahagian akta ini termasuk kuasa-kuasa yang diberikan kepada pegawai-pegawai di jabatan ini. Oleh hal yang demikian, dapatlah disimpulkan bahawa pihak jabatan ini telah dimandatkan dengan usaha untuk melaksanakan kuasa-kuasa ini dengan berkesan sekali. Seksyen 7(i)⁽¹⁶⁾ misalnya menyatakan bahawa kalau seseorang "Protector" mempunyai sebab-sebab yang menasabah untuk mempercayai bahawa seseorang gadis dibawah umur 21 tahun melakukan atau terlibat didalam mana-mana satu kesalahan yang diisyaratkan dibawah bahagian (a), (b) atau (c) seksyen tersebut, ia boleh membuat perintah untuk membawa gadis-gadis ini keluar dari

(15) Soal pemulihan akhlak akan dibincangkan dengan mendalam di Bab IV.

(16) Lihat Seksyen 7(i) akta yang sama.

tempat-tempat tertentu dan menahan mereka.

Seksyen 2 nya pula mendefinasikan "Protector" sebagai Pengarah Kebajikan Masyarakat, atau penolongnya, sesiapa Pengarah Kebajikan Negeri di Malaysia Barat dan mereka yang dilantik itu Menteri⁽¹⁷⁾. Oleh hal yang demikian jelas bahawa "Protector" yang dimaksudkan disini adalah dari Jabatan. Dengan itu dapatlah dikatakan bahawa akta ini telah menjadikan pegawai-pegawai kebajikan masyarakat ini bertanggung-jawab di atas masaalah pelacuran. Ini adalah di terangkan lagi dengan terdapatnya seksyen 8(3) dimana kuasa diberikan lagi kepada "Protector" untuk membuat penyiasatan bagi maksud seksyen 7 akta ini. Seksyen 9⁽¹⁸⁾ membawa suatu keadaan lagi dimana kuasa diberi lagi kepada "Protector" untuk menentukan samada gadis-gadis itu memerlukan perlindungan yang segera akibat dari ianya di ancam menjadi pelacur atau melakukan mana-mana kesalahan yang bertentangan dengan akta ini apabila gadis-gadis tersebut memohon dengan cara bertulis kepada "Protector". Mengikut seksyen 9(3) seseorang gadis itu harus dibawa kehadapan Protector sebelum dimasukkan kerumah-rumah pemulihan dan Protector juga akan menentukan lama masa seseorang itu harus berada di tempat-tempat pemulihan.⁽¹⁹⁾

Kuasa diberi kepada Protector lagi untuk menahan atau mengarahkan gadis-gadis dimasukkan ketempat-tempat lain seperti rumah pemulihan kalau ia mempunyai sebab-sebab yang menasabah untuk mempercayai seseorang gadis itu dibawa masuk atau dibeli secara tipuan dan sebagainya ke

(17) Lihat Seksyen 2 Akta Perlindungan Perempuan & Gadis 1973.

(18) Lihat Seksyen 9(i).

(19) Lihat Seksyen 9(4).

Malaysia. Ini dinyatakan didalam seksyen 10(1). Seksyen 13(1) dan (2) pula mengurniakan kuasa kepada "Protector" untuk memanggil dan memeriksa orang-orang yang tertentu untuk memberi apa-apa keterangan mengenai kesalahan-kesalahan yang dinyatakan didalam akta ini.

Dengan membuat penganalisaan terhadap seksyen-seksyen yang telah disebutkan diatas ini, jelas sekali bahawa kuasa yang diberikan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat ini adalah luas dan dengan ini juga bermakna bahawa undang-undang meletakkan kepercayaan penuh kepada jabatan ini dan pegawai-pegawaiannya untuk mencawal pelacuran di negara ini. Tetapi sayangnya di jabatan ini tidak berjalan lancar. Mereka tidak menghiraukan langsung tentang soal pengawalan atau pembasmi pelacuran. Apa yang ditegaskan oleh mereka ialah Jabatan ini hanya menjalankan usaha pemulihan. Memang tidak dapat dinafikan bahawa usaha ini dijalankan tetapi seperti keadaan yang terdapat di Pulau Pinang misalnya cuma menimbulkan keperluan bahawa lebih usaha kearah ini harus diberikan. Ini adalah menjadi satu kenyataan apabila didapati kuasa-kuasa yang diberikan kepada jabatan ini jauh lebih luas kalau dibandingkan dengan kuasa yang diberikan kepada pegawai-pegawai Polis. Sebagaimana yang telah kita bicarakan dengan soal kuasa Polis, nampaknya sejak Polis tertakluk kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat pada ketika-ketika tertentu; misalnya dibawah seksyen 23(2), dimana sejak Polis harus mendanat kebenaran

-7-

bertulis daripada "Protector" kalau untuk mendapatkan waran seperti yang dikehendaki dibawah seksyen 23(i) akan membawa kelewatan dan pekerjaan akan gagal. Oleh hal yang demikian kerjasama yang erat haruslah wujud demi untuk menjadikan segala bentuk usaha kearah kawalan pelacuran ini berkesan.

Lagi satu perkara yang jelas menunjukkan pembahagian kuasa ini, ialah dibawah seksyen 2 iaitu seksyen definisi, dimana "Protector" didefinisikan antara lain "...such social welfare officers appointed by the minister under section 3....." Seksyen 3 pula mengatakan:

"without prejudice to section 2, the minister an being satisfied that it is expedient so to do, may appoint by notification in the gazette any person holding office as a social welfare officer to exercise the powers and performs the duties of a Protector under this act subject to such conditions as may be specified in the notification...."

Ini menunjukkan bahawa setiap pegawai yang dilantik oleh menteri boleh menjadi "Protector" dan mereka ini adalah pegawai kebajikan. Tetapi didalam kuasa yang diberikan kepadabehak Polis hanya dinyatakan mereka yang berpangkat Inspektor dan keatas sahaja boleh menjalankan kuasa ini.⁽²⁰⁾ Cuma didalam seksyen 23(2) sahaja yang memberi kuasa pada mana-mana pegawai Polis untuk menangkap tanpa waran. Mengapakah pegawai-pegawai kebajikan harus diberikan kuasa yang lebih, tidak pula dapat dipastikan. Ini adalah lebih menyangsikan lagi kalau kita mengikut kata-kata pegawai kebajikan masyarakat bahawa mereka hanya terlibat dengan pemulihran akhlak sahaja. Tetapi kalau kita meneliti di merata-rata didalam akta ini, kita dapati

(20)Lihat seksyen 23 dan 24.

cuma di beberapa seksyen sahaja yang membincarakan soal pemulihan.⁽²¹⁾ Olih yang demikianlah maka tidak berkesannya perlaksanaan undang-undang mengenai pelacuran ini. Dengan kata lain, Jabatan Kebajikan Masyarakat tidak harus menumpukan perhatian kepada pemulihan sahaja. Mereka seharusnya melibatkan diri didalam soal-soal menangkap dan menyelidik demi untuk menyaimbangkan dengan kuasa yang diberikan kepada mereka.

Setelah membincarakan keadaan yang terdapat buat masa ini di Jabatan Kebajikan Masyarakat, maka jelaslah bahawa satu pembaharuan adalah dikehendaki dengan segera. Dengan adanya pembaharuan sahajalah, maka perjalanan didalam Jabatan Kebajikan Masyarakat ini dapat diporelokkan dan usaha mengawal pelacuran dapat dipergiatkan lagi. Pembaharuan perlu didalam beberapa segi:

- (a) satu bahagian Pencegah Maksiat harus ditubuhkan didalam jabatan ini. Dengan terdapatnya bahagian ini sahaja maka usaha kearah pengawal pelacuran ini dapat dilaksanakan dengan sempurna. Mistilah terdapat pegawai-pegawai khas yang akan menjalankan semua kuasa-kuasa yang telah dianugerahkan oleh akta kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat ini. Mereka yang terlibat dengan bahagian ini hendaklah sebolih-bolihnya bekerjasama dengan pehak Polis didalam menjalankan pekerjaan dan tugas mereka.

⁽²¹⁾ Umpamanya seksyen 8, 9, 11 dan 12. (lihat Bab IV mengenai pemulihan akhlak)

Haruslah dijalankan oleh bahagian ini usaha-usaha menangkap, menyelidik dan menyiasat mengenai gadis-gadis yang terlibat dengan pelacuran. Dengan ini akan membolihkan satu usaha yang sempurna dan sejajar dengan kehendak undang-undang.

- (b) dedikasi adalah perlu dikalangan pegawai-pegawai kebajikan masyarakat dalam menguruskan soal pelacuran di negara ini. Sikap melepaskan batuk ditangga tidak harus wujud. Perhatian yang cukup harus diberi didalam mengawal pelacuran ini. Ini adalah sangat-sangat perlu bila mengeruskan soal pemulihan akhlak. Kerana pelacuran merupakan masaalah sosial maka kesedaran yang cukup haruslah wujud didalam jabatan ini untuk memberi penyelesaian bagi masaalah ini.
- (c) kerjasama yang rapat diantara jabatan ini dengan jabatan Polis harus wujud. Ini akan kelak memudahkan semua pekerjaan kearah mengawal pelacuran ini. Dengan terdapatnya kerjasama erat ini, akan dapatlah Polis menjalankan kerja dengan cepat kerana buat masa ini untuk beberapa perkara Polis tertakluk kepada pihak Kebajikan Masyarakat. Olih hal yang demikian, ianya akan dapat mengelakkan kelewatan. Tergendalanya pekerjaan jabatan-jabatan ini bermakna tidak akan kurangnya aktiviti-aktiviti pelacuran dan

ini adalah bertentangan dengan tujuannya. (22)

- (d) pembahagian kerja yang elok harus dijalankan. Hendaklah terdapat pembahagian kerja diantara pegawai-pegawai yang menjalarkan urusan pemulihan, penangkapan dan sebagainya. Ini kelak akan melicinkan perjalan Jabatan ini didalam usaha-usaha menentang pelacuran. Tidak harus dicampur-adukkan kesemuanya. Pekerja-pekerja sosial dapat dipergunakan didalam jabatan ini bagi menolong pekerjaan-pekerjaan ini. Ini sangat-sangat mustahak kerana pekerja-pekerja sosial ini lebih dedikasinya, dan akan menjalankan pekerjaan mereka dengan lebih tekun lagi.

Jabatan Kebajikan Masyarakat tidak hanya ditubuhkan untuk mengawal pelacuran tetapi juga untuk menyekat gadis-gadis daripada terjerumus dilembah pelacuran dan dari itu usaha yang giat harus dijalankan agar kehendak undang-undang dan masyarakat tidak dikeciwakan.

(3) Jabatan Imigresyen

Jabatan Imigresyen merupakan sebuah lagi agensi penguatkuasa didalam menentang perkembangan pelacuran didalam negara ini. Tetapi sebahagian besar Jabatan ini hanya menguruskan soal-soal pelacur yang datang dari luar negeri sahaja dan tugas mereka adalah khusus. Didalam Jabatan ini terdapat suatu unit khas yang dipanggil unit penguatkuasa. Tugas unit khas ini adalah untuk membuat penyerbuhan ke tempat-tempat

(22) Pihak Polis, melalui beberapa temuduga dengan pegawai-pegawaiannya mengakui bahawa tidak adanya koordinasi yang cukup diantara kedua-dua Jabatan ini.

tertentu dan memeriksa hotel-hotel atau rumah-rumah pelacur, kalau mereka berpendapat bahawa adanya pelacur-pelacur luar negeri yang menjalankan perniagaan pelacuran di situ. Walau bagaimanapun bahagian unit khas ini tidak hanya melibatkan diri dengan usaha-usaha mengawal pelacuran. Mereka juga terlibat dengan usaha-usaha menangkap orang-orang yang masuk ke Malaysia secara haram dan yang melakukan kesalahan-kesalahan lain yang terdapat didalam akta Immigeresyen 1963.⁽²²⁾ Dengan kata lain tidak terdapat unit khas untuk pelacuran sahaja. Walau bagaimanapun, kalau diteliti betul-betul, soal pelacur luar negeri ini tidaklah merupakan satu masaalah yang begitu besar berbanding dengan masaalah pelacur di dalam negeri sendiri.

Unit penguatkuasa Jabatan Immigeresyen⁽²³⁾ ini terdiri daripada 2 orang kakitangan. Ianya diketuai oleh Timbalan Penolong Pengarah Immigeresyen (Deputy Assistant Director of Immigration). Terdapat dua orang pegawai Immigeresyen wanita didalam unit khas ini. Ini adalah untuk memudahkan perjalanan kerja dan penyiasatan keatas pelacur-pelacur yang ditahan sebagaimana yang dikehendaki oleh ordinan ini.⁽²⁴⁾ Oleh yang demikian dapatlah dikatakan bahawa tujuan mengadakan pegawai wanita ini sangat elok dan berpatutan. Semasa menjalankan tugas mereka, kakitangan-kakitangan unit penguatkuasa ini tidak menggunakan bakaian seragam dan ini adalah untuk memudahkan operasi di pusat-pusat pelacuran.

(22) Akta Parlimen No. 27 1963.

(23) Ini adalah mengenai Jabatan Immigeresyen Pulau Pinang.

(24) Mengikut Seksyen 51(2) dikatakan "No women shall be searched under this section except by a woman."

Pehak Jabatan Immigresyen ini mendapat maklumat mengenai dengan aktiviti-aktiviti pelacur-pelacur luar negeri ini daripada orangramai. Namun demikian, daya usaha sendiri adalah digunakan untuk mencari pusat-pusat pelacur yang datang dari luar negeri. Kalau pemeriksaan dijalankan di hotel-hotel atau rumah-rumah pelacur, ianya akan dijalankan dengan cara memeriksa dari bilik ke bilik. Penyerbuan ke tempat-tempat ini dijalankan tidak mengikut waktu. Adakah di siang hari tetapi kebanyakannya dijalankan ditengah-tengah malam. Ini adalah lebih mudah memandangkan kepada sifat perdagangan pelacur ini. Satu perkara yang harus diperkatakan disini ialah, pehak Jabatan Immigresyen Pulau Pinang tidak sahaja mengawal kaadaan yang terdapat di bandaraya ini tetapi juga dibandar-bandar bahagian utara Malaysia Barat seperti Kangar, Alor Setar dan Taiping. Oleh hal yang demikian pekerjaan pehak jabatan ini tidaklah terhad di Pulau Pinang sahaja dan dengan itu juga bermakna bahawa pengkhususan tidak wujud.

Kedudukan Pulau Pinang yang berhampiran dengan negara Thai, menjadikan ia banyak menerima pelacur-pelacur dari Thailand. Banyak gadis-gadis dari negara Thai ini dibawa masuk secara haram oleh kumpulan-kumpulan tertentu dan menjualkan mereka di Malaysia. Mengikut Penolong Pengarah Immigresyen Pulau Pinang, kebanyakannya sendiket membawa masuk gadis-gadis Thai ini untuk tujuan pelacuran adalah dijalankan oleh orang Malaysia sendiri. Biasanya gadis-gadis ini akan dibawa ke Alor Setar oleh beberapa orang bangsa Thai. Dari Alor Setar, gadis-gadis ini akan dijual kepada ketua sendiket di Malaysia dan gadis-gadis ini kemudiannya akan dihantar ke Bukit

Mertajam. Di Bukit Mertajam inilah taukeh-taukeh hotel dan tuan-tuan punya rumah pelacur akan datang untuk membeli gadis-gadis ini dan menjadikan pelacur. Kebanyakan dari gadis-gadis ini adalah dibawah umur 18 tahun dan biasanya memberi keizinan untuk dilacurkan. Pendek kata hanya segelintir kecil sahaja yang dipaksa menjadi pelacur.

Setelah seseorang pelacur luar negeri yang ditahan, akan dihantar balik ke negeri masing-masing dan biasanya pehak Jabatan akan menghantar beberapa orang pegawai untuk menemani gadis-gadis ini hingga ke sempadan. Ini adalah untuk menentukan bahawa mereka ini meninggalkan Malaysia pada hari yang ditentukan.

Sebagaimana yang telah disebutkan dibawah tadi bahawa kebanyakan pelacur luar negeri yang ditangkap dan dihantar balik adalah terdiri daripada gadis-gadis Thai. Ini bertambah jelas dengan melihat data dibawah:

PENANGKAPAN PELACUR LUAR NEGERI

(25)

| | |
|-------------------------------|--|
| 1975 1976 (hingga Ogos) | 50 orang gadis Thai 26 orang gadis Thai |
|-------------------------------|--|

Kekurangan gadis-gadis dari lain negara melacurkan diri di Malaysia tidak bermakna bahawa tidak ada langsung. Memang ada tetapi mereka ini lebih sukar untuk di kesan kerana mereka menjalankan perniagaan secara persendirian, dan dengan itu penangkapan jarang dilakukan.

(25) Data dari Unit Fenguatkuasa Jabatan Imigresyen Lulau Pinang.

Akta Immigeresyen 1963⁽²⁶⁾, memberikan beberapa kuasa untuk pegawai-pegawai Immigeresyen dini menjalankan tugas mereka menentang pelacuran. Kuasa yang dimaksudkan itu terdapat didalam Bahagian VI.

Seksyen 38(1) mengatakan:

"Immigration officers appointed under this act shall perform the duties imposed on them by this act or any regulations made thereunder, and shall also perform such duties as are required of them by the Director, either direct by or through any other officer, and no action taken by any such officer under or for any purpose of this act shall be deemed to be invalid or unauthorised by reason only that it was not taken by the officer specially appointed or detailed for the purpose."

Apa yang dapat dikatakan tentang seksyen ini ialah bahawa walaupun sesuatu tindakan yang diambil oleh pegawai-pegawai Immigeresyen itu tidak dengan kuasa yang didapati dari pengaruhnya, ianya masih sah dan dengan ini juga bermakna bahawa satu kemudahan telah diberikan kepada pegawai-pegawai Immigeresyen. Oleh hal yang demikian mereka akan lebih bebas menjalankan pekerjaan mereka tanpa gangguan-gangguan yang tidak perlu. Misalnya didalam soal mendapatkan waran yang kelak akan membuatkan pekerjaan mereka tergendala. Ini adalah bertentangan dengan apa yang diberikan kepada Jabatan Polis Bahagian Pencegah Maksiat. Sepatutnya kuasa yang semacam ini harus di berikan juga kepada pehak Polis.

Seksyen 39(i) pula mengatakan bahawa setiap pegawai yang dilantik dibawah akta ini hendaklah mempunyai kuasa seorang pegawai

(26) Akta Parlimen No.27.

Polis untuk menguatkuaskan apa-apa peruntukan akta ini mengenai
seal-seal penangkapan, penahanan dan pemindahan. Apa yang paling
menarik dibawah sekayen ini ialah semua pegawai immigresyen
dikurniakan dengan kuasa-kuasa ini. Kalau kita pandang pada kuasa
yang diberi kepada pehak Polis, cuma yang ber pangkat Inspektor dan
keatas sahaja yang boleh menguruskan kuasa-kuasa ini. Jadi sekali
lagi kuasa yang khas telah diberikan kepada pegawai-pegawai Immigresyen
ini. Ini akan menjadikan perjalanan pekerjaan jabatan ini ber-
tambah baik dan licin. Didalam menjalankan kuasa-kuasa ini per-
tolongan pehak Polis dapat dipergunakan dan pehak Polis harus
menjalankan kuasa-kuasa ini. Ini diterangkan dibawah seksyen 41
akta ini. Dengan ini juga bermakna, bahawa pehak Polis tertakluk
kepada arahan-arahan yang diberi oleh Pengarah Immigresyen dalam
seal-seal penangkapan, penahanan dan pemindahan orang-orang tertentu.
Memandangkan kepada persoalan ini jelas bahawa pehak Immigresyen
dapat menjalankan tugas mereka dengan licin dan tanpa apa-apa
halangan. Berbanding dengan Polis, kuasa atau hak yang semacam ini
tidak wujud langsung. Barangkali juga undang-undang memandang berat
soal pelacur-pelacur dari luar negeri ini berbanding dengan soal
pengurusan merekayang terdapat didalam negeri sendiri.

Mengenai kuasa untuk memeriksa sesebuah tempat atau orang-
orang tertentu juga diberikan dengan begitu luas kepada pehak Jabatan
Immigresyen ini. Ini ditentukan oleh seksyen 51(i) akta ini:

- "(a) any senior immigration officer
- (b) any superior police officer
- (c) any other police officer generally or specially authorised in that behalf by the Director, and
- (d) any officer of the Customs Department acting under the instruction of a senior immigration officer,

may without a warrant and with or without assistance.

- (a) enter and search any premises
- (b) stop and search any vessel, vehicle or person, or search any aircraft, whether in a public place or not,

if he has reason to believe that any evidence of the commission of an offence against their act or any regulations made there under is likely to be found on such premises or person or in such vessel, vehicle or aircraft, and may seize any evidence so found."

Terang-terang seksyen ini mengatakan bahawa waran adalah tidak perlu untuk membuat pemeriksaan ke tempat-tempat tertentu atau orang-orang tertentu. Dengan ini, ianya menjadikan satu kemudahan bagi perjalanan kerja Jabatan Immigresyen. Dengan kata lain pehak jabatan ini tidak tertakluk kepada mana-mana jabatan didalam usaha-usaha mereka menentang pelacuran iaitu didalam konteks ini yang datang dari luar negeri. Ini sekali lagi berbeza dengan Jabatan Polis yang mana kuasa yang dianugerahkan adalah tertakluk kepada pehak Mejisteret atau Jabatan Kebajikan Masyarakat iaitu untuk mendapatkan waran ataupun kebenaran bertulis untuk membuat pemeriksaan-pemeriksaan ini. Walau bagaimanapun kuasa membuat pemeriksaan ini cuma diberikan kepada Pegawai Immigresyen yang 'senior'. Tetapi seandainya bukan Pegawai Immigresyen yang 'senior' menjalankan kuasa dibawah seksyen ini, ianya masih sah dan diakui kerana seksyen 38(i) yang memberikan iaitu tindakan ini masih sah dan tidak akan menjadi batal kerana ianya

tiak dijalankan oleh pegawai tertentu yang dikurniakan kuasa ini.

Kuasa untuk menangkap tanpa waran juga diberi kepada mana-mana Pegawai Immigeresyen atau pegawai Polis atau Kastam kalau sekiranya pegawai tersebut mempercayai bahawa seseorang itu telah melakukan apa-apa kesalahan dibawah akta ini. Meneliti soal kuasa disini, sekali lagi, tidak dapat tidak diakui bahawa kuasa yang diberikan kepada pegawai immigeresyen adalah luas. Ini lebih jelas kalau dibandingkan dengan kuasa menangkap tanpa waran yang diberikan kepada Pegawai-pegawai Polis yang berpangkat Inspektor dan keatas oleh seksyen 24(i) Akta Perlindungan Perempuan dan Gadis 1973, dimana diperkatakan bahawa kuasa ini cuma dapat digunakan kalau pegawai-pegawai berkenaan menjumpai atau tahu benar-benar yang kesalahan-kesalahan tertentu dibawah akta tersebut, walhal dibawah kuasa yang diberikan kepada pehak immigeresyen, cuma yang perlu adalah mempunyai kepercayaan yang menasabah bahawa sesuatu kesalahan itu telah dilakukan.

Dengan mengatakan bahawa kuasa yang diberi kepada pehak Jabatan Immigeresyen ini begitu luas harus dipertimbangkan juga bahawa pehak jabatan ini tidak hanya melibatkan diri dengan pelacuran. Unit Penguatkuasa yang terdapat didalam jabatan ini menjalankan bermacam-macam tugas yang diberikan oleh akta Immigeresyen. Oleh hal yang demikian, demi sifat lain-lain kesalahan yang ketat maka kuasa yang luas diberikan manakala pehak Pencegah Maksiat Polis, kerana cuma melibatkan diri dengan pelacuran, perjudian dan dadah tidak begitu luas kuasanya.

Demikian kedudukan Jabatan Immigresyen didalam sebal mengawal pelacuran dan pelacur luar negeri.

(4) Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam

Jabatan ini juga sebenarnya memikul tanggung-jawab didalam menguruskan masaalah pelacuran. Ini paling jelas kerana pelacuran hukumnya haram disisi undang-undang Islam. Jabatan ini harus menentukan bahawa yang bertentangan dengan ajaran Islam tidak di-amalkan. Justeru itu jabatan ini juga memainkan peranananya didalam mengawal pelacuran di negara ini.

Malangnya sekali, di jabatan Ugama, kebanyakannya negeri-negeri di Malaysia tidak mempunyai bahagian Pencegah Maksiat mereka sendiri. Ini termasuklah Pulau Pinang. Oleh yang demikian adalah sukar bagi jabatan ini untuk bersama-sama menjalankan tugas dengan lain-lain agensi penguatkuasa undang-undang. Lagipun jabatan ini tidak diberikan kuasa yang luas seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat ataupun Jabatan Immigresyen. Cuma satu perundangan sahaja yang memberikan kuasa pada jabatan ini untuk menjalankan tugas-tugas mereka. Akibatnya apa yang wujud adalah ketidaklicinian perjalanan usaha-usaha mereka. Pendek kata jabatan ini kurang dalam serba-serbinya.

Kuasa yang dianugerahkan kepada jabatan ini bagi menawal pelacuran adalah Enakmen Pentadbiran Islam Pulau Pinang 1959. Walau bagaimanapun tidaklah ianya secara langsung berkait dengan pelacuran kerana mungkin tiuk perlu dimasukkannya didalam enakmen ini akibat

dari hukum Islam yang telah siap sedia didalam Al Quran mengenai sebaliknya. Tetapi demi untuk memudahkan pentadbirannya, adalah perlu sebaliknya ini dinyatakan dengan terang. Tidak terdapat pembahagian kuasa yang elek didalam enakmen ini. Cuma dibawah seksyen 57 enakmen ini, dinyatakan bahawa kuasa diberikan pada Polis ataupun Penghulu ataupun Imam untuk menangkap tanpa waran mereka-mereka yang telah melakukan kesalahan atau cuba melakukan kesalahan yang dinyatakan didalam enakmen ini. Kalau diperhatikan kuasa diberi pada Penghulu ataupun Imam sahaja, Kadzi cuma bertindak sebagai Pengarah. Yang anihnya, Imam dan Penghulu ini sendiri tidak merupakan kakitangan tetap Jabatan Ugama Islam. Jelas bahawa tidak adanya keerdinasi langsung.

Satu perkara lagi yang harus disebutkan disini ialah tidak terdapatnya perkataan pelacur atau pelacuran didalam enakmen ini. Cuma disebutkan kesalahan zina sahaja. Oleh hal yang demikian, selalunya, sebagai jalan keluar, kuasa yang ada digunakan untuk menangkap mereka yang melakukan khalwat⁽²⁹⁾ dan penangkapan selalu digunakan atas khalwat dan tiuk ada penangkapan atas pelacur-pelacur. Sebenarnya ia boleh dijalankan dibawah kuasa yang diberikan untuk khalwat tetapi malangnya ia tidak dijalankan langsung. Di Bandaraya Pulau Pinang dalam tahun 1975, cuma 24 kes khalwat⁽³⁰⁾ sahaja yang dibawa di Mahkamah Kadzi dan ini menunjukkan tidak tercapatnya satu perjalanan licin

(29) Seksyen 49 Enakmen Pentadbiran Islam Pulau Pinang 1919.

(30) Data dari Jabatan Ugama Islam Pulau Pinang.

dalam jabatan ini.

Sebenarnya kuasa yang luas harus diberikan kepada jabatan ini demi untuk me elong menyelesaikan masaalah pelacuran. Lebih utama lagi, pelacuran harus dinyatakan dengan teran, bahawa ianya adalah merupakan satu kesalahan, didalam enakmen. Jikalau tidak, kakitangan jabatan tidak dapat bergerak untuk mengawal pelacuran.

Sebuah Bahagian Pencegah Maksiat juga harus ditubuhkan di dalam jabatan ini demi untuk mendapatkan pengkhususan didalam usaha kawalan pelacuran. Kakitangannya mistilah ditambah dan pembangagian kuasa yang sempurna harus dijalankan.

Kerjasama erat harus diusahakan kearah mengawal pelacuran di antara jabatan ini dengan lain-lain agensi pengkuatkuasa undang-undang. Ini adalah paling penting.

Memandangkan kepada keadaan yang ada, pembaharuan adalah mestahak didalam Jabatan Polis, Keoajikan Masyarakat dan Jabatan Ugama dan dengan jalan ini sahaja hasrat undang-undang akan dapat disempurnakan dengan segera.

BAB IV

PEMULIHAN AKHLAK

Sebagaimana yang telah dibincangkan didalam Bab II⁽¹⁾, bentuk perundangan di Malaysia mengenai pelacuran adalah lebih berbentuk "rehabilitative" dari bentuk "punitive". Lantaran itu memperkatakan tentang pemulihan akhlak adalah merupakan satu perbincangan yang wajib dalam konteks pelacuran. Ini menjadi bertambah penting apabila terdapatnya pelacur-pelacur yang ingin menjalani kehidupan yang sempurna didalam masyarakat. Justeru itu pemulihan akhlak akan dapat memberi pertolongan kepada mangsa-mangsa keadaan ini.

Didalam bab ini akan dibahagikan perbincangan kepada 4 tajuk kecil:

- (a) Keperluan untuk pemulihan
- (b) Peruntukan undang-undang mengenai pemulihan
- (c) Cara-cara pemulihan dijalankan dan teknik-teknik yang terdapat di Malaysia hari ini
- (d) Saranan-saranan pembaharuan

(a) Keperluan untuk pemulihan.

Pemulihan disini adalah dimaknakan sebagai usaha pengembalian nilai-nilai rohani dan jasmani seseorang agar ia dapat menjalani kehidupan yang normal. Dengan kata lain, ianya merupakan satu usaha yang akan memungkinkan seseorang itu balik ke pangkal jalan. Cilih

(1) Bab mengenai undang-undang.

kerana inilah maka sebal pemulihian menghendaki satu penilaian yang cukup teliti.

Adalah termaklum bahawa pelacur-pelacur ini hidup didalam sebuah masyarakat yang tersendiri. Mereka mempunyai kebuayaan sendiri dan menamalkan cara hidup yang tersendiri yang mana merupakan sesuatu yang asing bagi masyarakat umum. Faktur ini membuat pelacur-pelacur itu kian lama kian kekal dengan cara hidup mereka lebih-lebih lagi bagi mereka yang menjalankan perniagaan secara "commercialised". Kehidupan mereka di hotel-hotel dan rumah-rumah pelacur menjadikan mereka kurang disiplin dan tidak mempunyai moral atau mempunyai moral yang paling rendah. Bagi pendapat mereka tidak ada apa-apa lagi yang hendak dihiraukan dan tiak ada apa-apa lagi yang hendak diambil peduli. Kesedaran yang mereka ini pelacur sudah cukup membuka kan mereka mengambil pendirian yang bagi mereka sejala-galanya tidak bererti lagi.⁽²⁾ Biasanya mereka menggunakan bahasa-bahasa kasar dan maki-hamun sesama mereka. Bahasa yang semacam itu juga biasa digunakan dengan pelangan-pelangan mereka. Bahasa-bahasa dan cara-cara berhubungan ini sudah sebatik dengan mereka. Pelacur-pelacur kelas

(2) Ini adalah pendapat kebanyakan pelacur-pelacur yang ditemuduga. 20 orang pelacur yang ditemui di hotel-hotel dan rumah pelacur dan 10 orang yang dari kawasan-kawasan gelap berpendapat demikian. Kedua-dua call girl yang ditemui berpendapat demikian tetapi mengatakan bahawa mereka terpaksa menjaga tatatertib dan cara percakapan mereka kerana mereka tergolong dengan pelacur-pelacur separuh masa dan kelas atasan yang lain.

bawahan ini juga tidak mementingkan soal pengemasan pakaian, kesihatan dan tingkahlaku.⁽³⁾ Ini lebih nyata sekali bila kita menemui pelacur-pelacur yang terdapat dikawasan-kawasan gelap, iaitu kawasan yang paling kotor sekali. Biasanya terdapat di lorong-lorong kecil yang serba kotor sekali dan berbau. Mereka biasanya tinggal di bilik-bilik yang berhampiran.

Rumah-rumah lacur dan hotel yang mempunyai pelacur-pelacur juga kotor keadaannya. Tidak ada sikap dan kesedaran tentang kebersihan langsung. Pelacur-pelacur ini akan hidup terus didalam keadaan-keadaan ini. Kebanyakan dari mereka adalah bersikap malas. Ini mungkin disebabkan oleh sifat pekerjaan mereka dan ini diikuti pula dengan sifat bangun lewat di siang hari. Pelacur-pelacur ini merokok dan meminum minuman keras.⁽⁴⁾.

Memandang kepada cara hidup dan sifat-sifat pelacur ini, maka tidak dapat tidak sesuatu sistem pemulihan harus dijalankan dahulu sebelum dapat mereka kembali kedalam masyarakat. Lebih-lebih lagi kalau masyarakat seperti yang terdapat di Malaysia hari ini, yang mementingkan tatasusila. Haruslah pelacur-pelacur ini ditukar sifat mereka dan mengenali kembali nilai-nilai hidup baik dari segi rohani dan jasmani. Mereka harus diberi kesedaran bahawa mereka masih belih menghadapi hidup kembali disisi masyarakat, lebih-lebih lagi gadis-gadis yang baru diperkenalkan di alam pelacuran.

(3) Lain halnya dengan pelacur-pelacur separuh masa dan kelas atasan yang lain.

(4) 35 dari pelacur-pelacur yang ditemuduga adalah merokok dan 30 daripadanya meminum minuman keras.

Justeru itu pemulihan adalah merupakan satu perantaraan diantara kehidupan sebagai Pelacur dan kehidupan masyarakat sediakala. Oleh hal yang demikian pemulihan akhlak ini adalah perlu dan masyarakat harus meneleng dalam seal ini. Undang-undang harus turut campur.

(b) Peruntukan undang-undang mengenai pemulihan.

Akta Perlindungan Perempuan dan Gadis 1973 mengatakan bahawa perempuan-perempuan dan gadis-gadis dibawah umur 21 tahun sahaja yang tertakluk kepada semua peruntukan didalam kes tersebut dan ini termasuklah seal pemulihan akhlak. Ini jelas kalau kita melihat sekayen 7(i) yang menentukan penahanan gadis-gadis yang dipercayai terlibat dengan pelacuran mistilah yang dibawah umur 21 tahun. Sama halnya kalau kita perhatikan sekayen 8(1) akta tersebut, yang memberi kuasa kepada Mahkamah Mejisteret untuk menahan gadis-gadis yang dibawah umur 21 tahun, kalau mereka dipercayai terdedah kepada bahawa moral dan memerlukan perlindungan.

Seksyen 8(6) pula menentukan bahawa setiap gadis-gadis yang mencapai umur 21 tahun ataupun sudah berkahwin tidak boleh ditahan di "Place of refuge" lagi. Seksyen kecil 7 nya pula mengatakan bahawa gadis-gadis atau perempuan-perempuan yang ditahan di "Place of refuge" yang dibawah umur 21 tahun tidak boleh ditahan lagi kalau ia mencapai umur 21 tahun ataupun ia berkahwin dan dengan ini ia tidak tertakluk kepada penyeliaan pegawai kebajikan masyarakat lagi. Seksyen 8(8) pula menekankan lagi bahawa perintah menahan seseorang gadis dibawah sekayen 8(4) tidak boleh dilakukan kepada mereka yang sudah berkahwin atau berumur 21 tahun dan lebih.

Memandangkan kepada seksyen-seksyen yang diterangkan di atas, maka jelaslah bahawa cuma mereka yang dibawah umur 21 tahun dan yang belum berkahwin sahaja yang boleh menerima rawatan dirumah-rumah pemulihan. Kesannya ialah bekas-bekas pelacur yang lebih dari 21 tahun umur mereka dan ingin meninggalkan lapangan pelacuran akan tidak berpeluang menerima rawatan dirumah-rumah pemulihan. Olih hal yang demikian agak sukarlah nanti bagi mereka ini untuk mencampuri masyarakat dan menjalani hidup baru kerana tidak terdapatnya satu cara pemulihan disini.

Satu perkara lagi yang berkaitan disini ialah tempoh penahanan gadis-gadis dirumah-rumah pemulihan ini. Kalau-lah mereka ini ditahan sewaktu berumur 20 tahun maka tempoh yang paling lama yang boleh ditahan ialah 1 tahun dan selepas ini tidak boleh ditahan lagi. Maknanya walaupun dalam masa 1 tahun itu belum ada banyak pemulihan dijalankan keatas gadis itu, ia terpaksa dibebaskan juga. Olih hal yang demikian tujuan utama mengadakan pemulihan ini sudah dikeciwakan. Kalau undang-undang dibiarkan begini maka sudah tentulah banyak dari tujuan pemulihan akan tidak dapat dijalankan.

Biasanya tempoh yang paling lama gadis-gadis dan perempuan-perempuan ini ditahan dirumah pemulihan adalah 3 tahun. Ini nyata dari seksyen 8(4)(a)(b)(c)(d) yang mana menentukan perentah-perentah ini ditentukan tempoh maksimanya iaitu 3 tahun. Dalam pada itu pula kalau diperhatikan kepada seksyen 8(4)(a) terdapat satu provise yang membolehkan "Board of visitors" ditempat pemulihan dimana

seseorang gadis itu ditahan boleh mengurangkan temoh yang ditentukan tetapi tidak bolih kurang dari 12 bulan dari tarikh permulaan kemasukannya. Tetapi didalam soal ini juga satu pertukaran lain terdapat. Ini adalah sekayen 8(10) yang mengatakan bahawa:

"without prejudice to the power of the Board of visitors pursuant to the proviso to subsection (4)(a) the court of a Magistrate may, on the application a writing made by the protector or by the lawful guardian of the female person in respect of whom a warrant or order made under this section state or by such female person, amend, vary or revoke any such warrant or order if the court is satisfied that it is in the interest of such female person so to do."

Sekayen kecil ini membolihkan pejaga budak-budak perempuan ataupun protector membuat permohonan untuk mengurang atau meminda atau menarik kembali perentah-perentah yang telah dibuat. Jadi ini bolih memendekkan lagi tempoh penahanan di rumah-rumah pemulihan ini.

Didalam akta ini disebutkan sebagai "Place of refuge" dan kalau dilihat dibawah sekayen 2, ianya didefinisikan sebagai:

".....any place of refuge established or appointed under the provision of section 4 of this act."

Sekayen 4 pula mengatakan bahawa menteri bolih dengan perentah mendirikan "place of refuge". Tetapi malangnya "place of refuge" ini tidak diberi penerangan lanjut mengenainya. Mungkin yang dimaksudkan adalah rumah-rumah pemulihan yang didirikan dibawah kuasa yang diberi oleh akta ini. Ditiap-tiap rumah pemulihan ini akan terdapat satu "Board of visitor" yang akan menjalankan

tanggung-jawab-tanggung-jawab dan fungsi-fungsi yang ditentukan oleh pihak menteri dan untuk membuat cadangan-cadangan kepada Pengarah Kebajikan. Ini ditentukan oleh seksyen 5. Pihak menteri pula boleh membuat peraturan-peraturan untuk menentukan kempessisi, kewajipan, fungsi dan acara dalam menjalankan urusan "Board of visitors". Ini telah dinyatakan didalam seksyen 6(e) dari akta ini.

Setiap rumah pemulihan yang dijalankan oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat akan mempunyai satu-satu peraturan yang akan mengawal perjalanan rumah-rumah ini. Ini telah diberikan oleh seksyen 6(6) yang mengatakan peraturan-peraturan boleh dibuat oleh pihak menteri untuk secal:

"administration of a place of refuge including cave, detention, discipline, discharge and offence, temporary absence, maintenance, education and training of female person detained under this act."

Seksyen 11 pula membolihkan pemindahan seseorang gadis itu dijalankan dari satu rumah pemulihan kerumah pemulihan yang lain:

"without prejudice to any written law relating to immigration whenever a warrant or an order has been made under section 7, 8 or 10 or under subsection (3) of section 26 for the detention of a female person in a place of refuge and it appoints to the Director General to be expedient in the interests of such person that the should be transferred such place of refuge to another place of refuge within Malaysia, it shall be lawful for the Director General to issue an order that such person shall be so transferred. Provided that no female person removed to a place of refuge for detention at the of her lawful guardian."

Oleh hal yang demikian penjaga seseorang gadis dan perempuan itu masih mempunyai hak untuk membenarkan pemindahan anak-anak mereka ke tempat pemulihan yang lain.

Seksyen 14(i) mengatakan kalau seseorang perempuan itu dimasukkan kedalam rumah-rumah pemulihan (place of refuge) dibawah undang-undang bertulis yang lain, perintah ini adalah mencukupi untuk kemasukan gadis-gadis i i kedalam rumah-rumah pemulihan ini (place of refuge).

Setelah seseorang gadis atau perempuan dimasukkan kedalam rumah-rumah pemulihan, mereka adalah tertakluk kepada segala peraturan-peraturan yang dikenakan didalam rumah-rumah pemulihan ini. Ini ditentukan oleh seksyen 33(i) yang mengatakan selama mereka berada didalam rumah itu, selama itulah mereka tertakluk kepada peraturan-peraturan itu. Seksyen kecil (2) pula mengatakan bahawa:

"every female person detained or ordered to be detained in a place of refuge under this act who leaves any such place otherwise than in accordance with the rules referred to in subsection (i) may be arrested without warrant and taken back to such place by any police officer or the protector or by any social welfare officer duty authorised thereto either specially or generally by the protector."

Seksyen ini mengatakan bahawa kalau sekiranya seseorang perempuan atau gadis itu mlarikan diri dari rumah pemulihan tanpa kebenaran maka ianya boleh ditangkap kembali tanpa waran. Ini menunjukkan bahawa terdapatnya satu pegangan terhadap gadis-gadis ini bagi pehak penguasa rumah pemulihan. Dengan kata lain,

pemulihan akhlak ini adalah merupakan sesuatu yang misti bagi mereka.

Seksyen 33(3) pula menurunkan hukuman bagi mereka yang ber-subahat dengan gadis-gadis ini dalam meninggalkan rumah pemulihan.

Dalam membicarakan soal pegangan pehak rumah pemulihan terhadap gadis-gadis dan perempuan-perempuan yang tinggal di rumah-rumah pemulihan, terdapat satu peruntukan lagi yang membolihkan pehak Kebajikan Masyarakat menyelenggarakan pengawasan terhadap mereka yang telah dibebaskan dan tempoh masa pengawasan ini akan ditentukan oleh Board of Visitors. Soal ini adalah ditentukan oleh seksyen 8(5). Tetapi proviso bagi seksyen ini mengatakan bahawa tempoh ini tidak boleh memlebelhi 1 tahun dan gadis-gadis berkenaan atau penjagaanya boleh meminta pengecualian dalam soal ini dari menteri.

Perjalanan rumah-rumah pemulihan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah berasaskan sukarela dan menolong. Olih hal yang demikian ianya dijalankan secara percuma. Kalau sekiranya terdapat masalah kewangan maka perbelanjaan ini boleh juga dibebankan keatas penjaga-penjaga gadis-gadis atau perempuan-perempuan yang tinggal dirumah-rumah pemulihan ini. Perkara ini ditentukan oleh seksyen 27.

Seksyen ini mengatakan bahawa adalah menjadi kewajipan bagi pehak ibubapa atau penjaga seseorang gadis atau perempuan yang dimasukkan kerumah pemulihan untuk memberi sumbangan mengenai perbelanjaan

untuk gadis-gadis tersebut sebelum kemasukan gadis-gadis itu kerumah-rumah pemulihan. Kuasa ini adalah terpulang pada protector.

Tetapi perentah ini hanya boleh dibuat kalau gadis-gadis itu dimasukkan kerumah-rumah pemulihan akibat dari seksyen 7(i), seksyen 9 ataupun seksyen 14 sahaja. Kemasukan dibawah seksyen 8 misalnya tidak boleh diperentahkan membuat sumbangan.

Mahkamah juga boleh membuat perentah sumbangan yang sama keatas pehak ibubapa atau penjaga kepada gadis-gadis atau perempuan-perempuan yang terlibat. Ini ditentukan dibawah seksyen kecil (2) dan seksyen (3) pula mengatakan perentah sumbangan yang dibuat itu hendaklah diikuti. Perentah sumbangan ini akan terus berkuatkuasa selagi gadis atau perempuan berkenaan itu tinggal dirumah pemulihan.

Kalau sekiranya perentah sumbangan ini tidak dihiraukan oleh mereka yang berkenaan (*wilfully neglect*) pehak Megistrate boleh menyuruh membayar sumbangan itu ataupun boleh memenjarakan mereka (tidak lebih dari 1 bulan). Ini telah ditentukan dibawah seksyen kecil (7). Seksyen kecil (8) pula membolihkan protector dan mahkamah memberi pengecualian kepada pehak yang dikenakan memberi sumbangan.

Seksyen 27 ini sebenarnya memberikan satu kuasa untuk melicinkan perjalanan rumah-rumah pemulihan. Ibubapa atau penjaga harus sama bertanggung-jawab dan men ambil berat keatas nasib dan masa depan anak-anak mereka dan oleh itu adalah berpatutan kalau mereka sama-sama memberikan sumbangan atau membiayai perbelanjaan dirumah-rumah pemulihan. Ini akan menolong pehak Jabatan Keajikan Masyarakat. Ini adalah gejala yang baik.

- (c) Cara-cara pemulihan dijalankan dan teknik-teknik yang (5)
yang terdapat di Malaysia hari ini.

Di Malaysia, dewasa ini, rumah-rumah pemulihan akhlak untuk gadis-gadis atau perempuan yang terlibat dengan pelacuran atau yang runtuh akhlaknya adalah dijalankan oleh kerajaan ataupun pehak swasta (badan-badan persendirian). Ini adalah disebabkan oleh sifat pemulihan iaitu berbentuk sukaarela dan kalau dilihatkan pehak-pehak persendirian lebih berminat menjalankan pekerjaan ini. Walau bagaimanapun di Pulau Pinang ini cuma terdapat sebuah rumah pemulihan yang dikenali sebagai Rumah Pemulihan Po Leung Kuk yang terletak di Babington Avenue. Rumah pemulihan ini dijalankan bersama oleh pehak kerajaan dan pehak persendirian dan buat masa ini kuasa yang lebih telah diberi kepada pehak kerajaan untuk mengendalikan rumah ini⁽⁶⁾.

Biasanya apabila seseorang gadis atau perempuan lacur atau mereka yang terlibat didalam urusan yang berkaitan ditangkap atau ditahan oleh pehak Polis dengan kuasa yang diberi oleh Akta Perlindungan Perempuan dan Gadis 1973, mereka akan ditahan di "Place of refuge" dan dibawa kehadapan Mejisteret dalam masa 24 jam. Mejisteret kemudiannya, setelah mendapati bahawa ada alasan untuk menahan gadis-gadis tersebut akan membuat perentah supaya ia ditahan di "Place of refuge" sehingga satu penyiasatan dibuat dan lapuran akan dibentangkan dihadapan Mejisteret. Mejisteret setelah berpuashati dengan lapuran itu dan

(5) Dalam soal ini akan dibincangkan kaedah yang dijalankan di Pulau Pinang.

(6) Penulis telah tidak dibenarkan melawat rumah pemulihan ini oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Apa yang diceritakan hanyalah hasil temuduga dengan Penolong Pengarah Kebajikan Pulau Pinang.

setuju yang gadis itu memerlukan perlindungan maka bolehlah Mejisteret membuat perentah supaya gadis itu ditahan di "Place of refuge" untuk beberapa lama.

Apabila seseorang gadis itu dihantar kerumah pemulihan, mereka akan dihantar ke hospital untuk menentukan samada mereka mempunyai penyakit kelamin (V.A) atau tidak. Rawatan segera akan diberi kalau sekiranya gadis-gadis ini ada mengidap penyakit serupa ini. Selepas ini baharulah mereka dibenar tinggal dirumah pemulihan.

Dalam rumah pemulihan inilah (yang sepatutnya menjadi tempat asuhan moral, yang kelak diharapkan dapat mengeluarkan gadis-gadis atau perempuan-perempuan yang bolih hidup sendiri tanpa kembali ke pekerjaan asal) bermacam-macam rancangan dijalankan. Dijalankan pengajaran bagi membolihkan gadis-gadis dan perempuan-perempuan yang ditahan biasanya tahu membuat beberapa pekerjaan yang biasanya terdiri daripada pekerjaan-pekerjaan tangan seperti membuat dan menganyam bakul hingga kepengajaran kerinting rambut. Ingin dinyatakan disini bahawa kebanyakannya pengajaran yang dijalankan adalah lebih berbentuk pengajaran jasmani. Olih hal yang demikian apabila mereka meninggalkan rumah-rumah ini, mereka cuma pandai sedikit-sedikit didalam hal pekerjaan ini.

Pihak rumah pemulihan ini akan cuba menggalakkan ibubapa gadis-gadis atau perempuan-perempuan yang tinggal dirumah ini supaya melawat anak-anak mereka seberapa kerap yang boleh. Tujuannya disini adalah untuk mempereratkan kembali hubungan kekeluargaan ini. (Ini adalah paling mustahak kalau gadis-gadis menjadi pelacur akibat dari keadaan

rumah-tangga yang kusar-kacir dan kurang jagaan semurah dari ibu-ibubapa. Ini menjadi lebih utama kalau gadis-gadis itu tidak dihiraukan oleh ibubapa dan dilayan dengan buruk).

Pelajaran Sains Rumah tangga juga dijalankan dirumah pemulihan Po Leung Kok ini, dan disamping itu mereka diajar juga latihan-latihan vocational. Bolih dikatakan latihan-latihan itu dijalankan tiap-tiap hari. Tetapi setian yang berjalan didalam rumah pemulihan ini adalah dikawal oleh satu peraturan yang dibuat oleh pehak Jabatan Kebajikan⁽⁷⁾. Ianya dibuat berlandaskan kunsu yang diberi oleh akta Perlindungan Perempuan dan Gadis 1975.⁽⁸⁾

Secara ringkas dapat dikatakan bahawa ini sahaja aktiviti-aktiviti mustahlek yang dijalankan dirumah pemulihan ini. Oleh hal yang demikian, ianya akan membawa perscalan lagi iaitu apa akan jadi apabila gadis-gadis ataupun perempuan-perempuan ini meninggalkan rumah ini?

Pehak Kebajikan Masyarakat akan menguruskan sebahagian daripadanya. Pekerjaan akan cuba dicari oleh pegawai-pegawai jabatan. Kalau perlu ibubapa gadis tersebut akan dihubungi dan diminta kerjasama dengan mereka dalam mendapatkan pekerjaan bagi gadis-gadis ini.

Dari apa yang kita dapat diatas jelas bahawa bentuk pemulihan ini memberarkan kesangsian yang terdapat didada bahawa kecekapan pemulihan disini memerlukan penjelasan.

Dengan mengadakan latihan "physical" sahaja, sdalah tidak lengkap

(7) Penulis tidak berpeluang melihat peraturan-peraturan ini.

(8) Lihat Seksyen 6(6) - bahagian peruntukan undang-undang di bab ini.

dan tidak membolihkan kita mengatakan bahawa pemulihan adalah dilakukan ataupun sudah disempurnakan. Menyentuh tentang pekerjaan, beberapa sangat yang mendapatnya. Lagipun ini jarang dilakukan. "Vocational Training" yang didapati oleh gadis ini adalah kurang menyakinkan bahawa seseorang bekas pelacur itu akan berjaya mendapat pekerjaan diluar. Ini sebenarnya adalah disebabkan oleh dua faktur:

- (i) kemahiran yang dippunyai adalah terlalu rendah dan menyebabkan tidak terdapatnya kelayakan untuk menjalankan sesuatu pekerjaan,
- (ii) kalaupun bekas-bekas penghuni rumah pemulihan ini boleh dikatakan mempunyai kecekapan yang boleh diterima untuk menjalankan pekerjaan, biasanya majikan berkenaan akan menolak permohonan ini dengan alasan bahawa pemohon itu adalah seorang bekas pelacur yang mana akan membawa nama dan perniagaannya jatuh.

Sebagaimana yang telah kita lihat, bahawa tidak terdapat sesuatu bentuk pemulihan secara saikoloji ataupun pemulihan disegi "mental". Ini adalah lebih perlu dari memberi latihan-latihan "physical". Tidak dinafikan disini bahawa latihan "physical" itu penting tetapi untuk menghadapi masyarakat, latihan fikiran adalah lebih mustahak. Tanpa ditukar cara pemikiran mereka, maka sebenarnya akan bertambah sukar bagi bekas-bekas pelacur ini untuk menjalani kehidupan didalam masyarakat.

Satu lagi kelemahan yang dapat dilihat dari pada bentuk pemulihan disini ialah tentang nasib bekas-bekas pelacur apabila mereka meninggalkan rumah pemulihan. Walaupun undang-undang memperuntukkan satu pengawasan selama setahun (maksima) oleh pehak Jabatan Kebajikan Masyarakat⁽⁹⁾ tetapi ini adalah tidak mencukupi. Lagi pun kebanyakannya daripada bekas penghuni rumah pemulihan ini cuba menghilangkan diri dari mata pengawasan. Ini menjadi bertambah mudah kalau mereka ini sudah mencapai 21 tahun, dimana pehak Kebajikan Masyarakat tidak mempunyai apa-apa kuasa lagi. Apa yang terjadi ialah ada diantara mereka yang pulang ke pekerjaan lama iaitu menjadi pelacur.⁽¹⁰⁾ Ini adalah disebabkan:

- (a) tidak berkesannya cara pemulihan yang dijalankan oleh pehak jabatan hingga membuatkan tidak terdapatnya satu kesedaran dihati pelacur-pelacur ini, bahawa adalah lebih elok meninggalkan dunia pelacuran,
- (b) akibat dari tidak adanya jaminan hidup maka bekas-bekas penghuni rumah pemulihan itu akan terdesak oleh kesempitan hidup. Kemiskinan akan membawa mereka kembali ke alam pelacuran.

Kebanyakannya bekas pelacur ini telah biasa dengan kemewahan hidup yang berasal dari pendapatan wang ringgit yang mudah akibat dari melacurkan diri. Oleh hal yang demikian mereka akan terus kembali menjadi pelacur semula apabila bebas dari rumah pelacur kecuali satu bentuk pemulihan yang baik dijalankan.

(9) Seksyen 8(5) - Lihat bahagian pemulihan undang-undang.

(10) 15 orang darisudah pelacur yang ditemuduga adalah pernah mendapat pemulihan dirumah-rumah pemulihan.

Kesimpulan yang dapat diperkatakan ialah bentuk pemulihan yang dijalankan terlalu longgar dan kurang memberi kesan. Oleh hal yang demikian satu pembaharuan harus difikirkan.

(d) Saranan-saranan pembaharuan.

Sebelum kita membicarakan tentang pembaharuan harus terlebih dahulu ditinjau tentang soal yang berkaitan dengan pemulihan ini. Ianya, sebenarnya terbahagi kepada dua cabang:

- (a) cabang ekonomi
- (b) cabang sosial

Bercakap tentang pemulihan ekonomi, ianya adalah mudah diantara kedua-dua ini walaupun dalam hakikat sebenarnya ia dengan sendirinya menampakkan kesusahan didalam menjalani pemulihan. Kebanyakandari pelacur-pelacur ini adalah tidak berpelajaran ataupun cuma berpelajaran rendah.

(11) Soal yang timbul ialah kemiskinan. Lantaran itu, soal ini harus dibereskan dahulu. Sebolih-bolihnya tentukan sesuatu pekerjaan bagi bekas-bekas pelacur ini. Walaupun tugas ini berat, ianya adalah wajib dilakukan kalau sekiranya ing'n dibanggakan dengan kerja pemulihan. Memang tidak dapat dinafikan bahawa usaha ini memakan masa tetapi selagi sesuatu pekerjaan tidak bolih didapatian, hendaklah usaha pengawasan dilanjutkan tempohnya. Sebagaimana yang telah diterangkan bahawa undang-undang menentukan masa maksima pengawasan adalah 1 tahun. (12) Ini akan datar menentukan bahawa bekas penghuni rumah pemulihan tidak balik ke pekerjaan asal. Soal mendapatkan pekerjaan bolih dipermudahkan

(11) Dari 40 orang pelacur kelas bawahan yang ditemui daripada cuman 6 orang sahaja yang mempunyai ICE dan dari 2 call girl serta 5 pelacur separuh masa, cuman seorang saja yang mempunyai HCV dan 3 orang mempunyai ICE.

(12) Lihat bahagian peruntukan undang-undang, seksyen 8(15).

dengan meminta kerjasama syarikat-syarikat ataupun dari pihak kerajaan sendiri.

Satu cara yang mungkin dilaksanakan ialah dengan mengadakan satu tabung untuk menolong mereka. Bantuan-bantuan boleh diminta dari orangramai dan juga badan-badan swasta. Ianya dapat dijalankan dengan mengadakan kempen besar-besaran di seluruh negara. Selama ini belum cukup publisiti mengenai usaha pemulihan ini. Wang dari tabung ini boleh digunakan untuk menjamin kehidupan bekas-bekas penghuni rumah pemulihan sehingga mereka mendapat pekerjaan. Untuk menambahkan wang bagi tabung ini, dapat dijalankan penjualan loteri-loteri dan menjalankan kutipan derma. Usaha ini boleh diempurnakan oleh Jabatan Kebajikan dan badan-badan sukarela yang lain.

Dari cabang sosial pula, sebenarnya banyak yang perlu dilaksanakan kalau kita membincarakan tentang pemulihan. Yang paling utama harus diperkatakan ialah tentang pelacur-pelacur itu sendiri. Kebanyakan gadis-gadis dan perempuan-perempuan lacur yang ditahan di rumah-rumah pemulihan adalah tidak ⁽¹³⁾ mempunyai ciri-ciri kewanitaan yang bersofan. Apa yang harus dilaksanakan ialah peroses mengubah cara atau corak hidup mereka ini. Ini mustahak kerana objektif pemulihan adalah untuk mengembalikan bekas pelacur itu kepada masyarakat. Usaha ini memerlukan satu dedikasi yang sepenuhnya agar ianya tidak menjadi sia-sia. Mereka-mereka ini harus diajar saikolej dan dibawa dalam perbincangan yang menggalakkan. Mereka harus diperkenalkan kepada cara "therapy" yang akan mengubah cara kehidupan mereka.

(13) Lihat bahagian (a) mengenai keperluan pemulihan, tentang sifat-sifat pelacur.

Harus disedarkan mereka bahawa mereka masih bolih menjalani kehidupan normal, usaha-usaha ini dapat dijayakan dengan menggunakan pertolongan bekas-bekas penghuni rumah pemulihan yang sudah menjalani kehidupan biasa. Mereka ini dapat dijadikan "therapeutic personnel". Mereka mungkin bolih menjadi "excellent therapist" di dalam soal ini. Bekas-bekas pelacur ini akan lebih memahami masaalah mereka yang senasib dan ini juga akan mengubah sikap penghuni-penghuni di rumah-rumah pemulihan ini. (Lagipun mengadakan therapeutic personnel merupakan memberi pelajaran kepada mereka juga). Bercakap tentang "therapeutical treatment", masyarakat umum juga bolih menolong. Contohnya di Pulau Pinang pada tahun 1972, telah ditubunkan sebuah persatuan yang digelar "Penang Council for the Welfare of Woman and Girls" yang mana merupakan satu pertubuhan sukarela. Ianya mempunyai 19 orang ahli dan terdiri dari suri-suri rumah tangga, mereka yang telah bersara, orang-orang professional dan pekerja-pekerja sosial. Fungsi mereka ini adalah lebih kurang sama dengan kumpulan "befrienders." Biasanya mereka memberi petunjuk dan nasihat serta menolong adis-gadis yang terdedah kepada bahaya sosial dan mempunyai masaalah peribadi.

Oleh hal yang demikian, mereka ini dapat dipergunakan untuk memberi bimbingan kepada penghuni rumah pemulihan dan memandangkan hakikat pertubuhan ini yang dijalankan secara sukarela, maka mereka ini adalah lebih dedikasi kearah menolong mereka yang

berkehendakan pertolongan. Sepatutnya lebih banyak lagi ahli-ahli masyarakat yang berkecimpung didalam persatuan-persatuan yang semacam ini. Kalau ingin dihapuskan sesuatu yang tidak disukai masyarakat, masyarakat sendirilah yang harus mengambil berat.

"Resocialization" bagi penghuni-penghuni rumah pemulihan ini juga perlu diadakan. Di Eropah peroses ini telah mencapai kejayaan yang besar.⁽¹⁴⁾ Cara yang paling berkesan dijalankan disini ialah dengan membawa bekas-bekas pelacur ini kedalam hidup yang baru yang digelar "Friendly Circle" sebagai menggantikan kumpulan hidup pelacur yang pernah dimasuki mereka.⁽¹⁵⁾ Cara ini telah mencapai kejayaan di Perancis, Spanyol dan Italy dan kadar kejayaannya adalah diantara 33 - 75%.⁽¹⁶⁾ Memandangkan hal ini, di Malaysia peroses ini haruslah dijalankan. Ini adalah akan lebih berkesan kalau dijalankan oleh pekerja-pekerja sosial dan badan-badan persendirian. Ini adalah kerana mereka ini mempunyai dedikasi yang lebih.

Di Kanada satu cara baru telah diusahakan dan ini dinamakan pendekatan "Halfway Home". Ianya dimulakan di Ontario iaitu di Street Haven pada tahun 1965 sebagai suatu kemudahan bukan kerajaan (non governmental) untuk tujuan pemulihan perempuan-perempuan yang ditangkap kerana palacuran. Didirikan suatu pusat penginapan yang

(14) The Lively Commerce - Charles Winnick & Paul McLine - muka 291.

(15) Ibid

(16) Ibid

memperoses 250 orang setahun. Mereka mempunyai kumpulan-kumpulan diskusi dan menyiaran risalah-risalah sendiri.⁽¹⁷⁾ Cara ini harus diikuti di Malaysia dan ini dapat diusahakan oleh badan-badan persendirian dan pekerja-pekerja sosial dan kita tidak harus mengharapkan segala-galanya dari pihak kerajaan.

Bentuk pemulihan yang sama dijalankan di Detroit pada tahun 1964 dimana 35 orang sukarela terlibat. Mereka cuba mengadakan satu perhubungan kepercayaan diantara mereka dengan pelacur-pelacur yang muda. Jikalau sekiranya pelacur-pelacur ini ingin mendapatkan tempat tinggal, mereka akan ditolong dan mereka akan diberi pertolongan-pertolongan lain seperti mendapatkan pekerjaan dan latihan untuk kehidupan. Didikan ugama juga didapati disini. Ianya dijalankan oleh padri-padri. Kejayaannya dapat dilihat pada tahun pertama ia bermula iaitu dimana 74% dari gadis-gadis itu mendapat pekerjaan ataupun mendapat peluang belajar dan cuma 15% sahaja yang pulang kedalam pelacuran.

Sebagaimana yang telah diperkatakan bahawa latihan fizikal yang terdapat dirumah pemulihan buat masa ini adalah tidak begitu praktikal. Mereka boleh dididik untuk menjadi Jururawat, Perbidanan, menaip dan Operator Talipon. Dengan ini akan membolihkan mereka menjadi lebih mahir dan memudahkan lagi mereka memperolehi kejayaan.

(17)

Ibid muka 81.

Mungkin dapat diadakan satu rumah pemulihan yang juga berfungsi sebagai pusat pengeluaran barang-barang seperti mana yang telah dilakukan di India dengan pertolongan Jabatan Perindustriannya.⁽¹⁸⁾ Ini juga boleh diusahakan di Malaysia dan ini akan menyediakan peluang-peluang pekerjaan untuk pegawai-pegawai rumah pemulihan.

Seperkara lagi yang perlu disentuh di dalam membicarakan soal pembaharuan ialah tentang undang-undang. Sebagaimana yang telah dibincangkan di bahagian (b) bab ini, lama masa yang ditentukan seseorang gadis atau perempuan tinggal adalah 3 tahun (maksima).⁽¹⁹⁾ Jadi ini menunjukkan bahawa walaupun seseorang itu belum mendapat rawatan sempurna ia harus dikeluarkan dari rumah ini. Jadi tidak ada ertiinya pemulihan. Kita hendaklah menentukan yang setiap gadis atau perempuan yang memasuki rumah pemulihan itu mendapat rawatan yang sempurna. Jadi haruslah diadakan peruntukan yang menentukan bahawa gadis-gadis ini perlu ditahan hingga mereka ini betul-betul boleh dikatakan pulih. Tidak harus diberi had atau ditentukan lama masanya. Ataupun dapat dibuat peruntukan yang memerlukan masa yang lebih panjang untuk tahanan seperti yang ditentukan di India.

"Suppression of Unmoral Traffic in Women and Girls Act
⁽²⁰⁾

1956" di India mempunyai peruntukan yang menatakan bahawa gadis-gadis itu harus ditahan hingga ke 5 tahun dan tidak kurang dari 2 tahun.

(18) A.S. Mathew dan B.L. Gupta - Prostitutes and Prostitution - muka 79.

(19) Seksyen 8(4) Akta Perlindungan Perempuan dan Gadis 1973.

(20) Seksyen 8 Suppression of Unmoral Traffic in Woman and Girls 1956 (India)

Juga harus diadakan peruntukan baru didalam Akta Perlindungan Perempuan dan Gadis yang mana akan membenarkan bekas-bekas pelacur yang lebih umur 21 tahun tinggal dirumah-rumah pemulihan. Sebenarnya tidak harus diadakan satu sekatan bagi umur disini. Tidak bermakna kalau sekiranya dipulihkan pelacur-pelacur yang dibawah umur 21 tahun, negara tidak akan menghadapi masaalah lagi. Buat masa ini Akta Perlindungan Perempuan ini memberi kan sekatan umur ke 21 tahun sahaja.(21) Harus dipinda peruntukan-peruntukan ini dan tidak harus diberi had umur. Pemulihan hendaklah meliputi semua kelas gadis dan perempuan yang berkehendakkan pemulihan dan hendaklah diberi pemulihan yang elek. Kalau diikutkan mereka ini belih ditahan hingga umur 21 tahun jadi walaupun ia ditahan masa berumur 1 tahun, belumpun sempat apa-apa pemulihan dilakukan ia sudah dibebaskan dan ini adalah tidak praktikal dan peruntukan yang semacam ini perlu dipinda.

Diakhir kata, demi untuk menjayakan pemulihan, sikap pemikiran rakyat juga perlu ditukar. Selama ini masyarakat di Malaysia dan beberapa negara lain menganggap pelacur-pelacur ini sebagai segelintir manusia yang tidak harus dihiraukan dan tidak harus diberi tempat didalam masyarakat. Ini adalah anggapan yang salah kerana pelacur-pelacur ini adalah mangsa keadaan dan tidak harus dihukum dengan kanun-kanun sesial. Sebaliknya masyarakat harus

(21)

Lihat bahagian (b) bab ini (terutama seksyen 8).

memberi kerjasama didalam menjayakan rancangan pemulihan ini. Seharusnya masyarakat patut merasa bersyukur dan menerima dengan tangan terbuka akan bekas-bekas pelacur ini kerana mereka sudah meninjaukan pekerjaan mereka. Sebenarnya, soal ini menjadi perseoran penting di Amerika Syarikat. Dikatakan kalau sekiranya sikap masyarakat belih dilembutkan untuk menghapuskan "Capital punishment", disana, tidak ada sebab mengapa sikap yang sama tidak harus diambil terhadap pelacur terutama bekas-bekas pelacur. Berikutnya dengan ini berbagai-bagai kempen telah dijalankan demi untuk menentukan pendirian masyarakat disana. (22)

Akibat dari perubahan sikap masyarakat inilah maka satu cara pemulihan lagi telah diusahakan di Amerika iaitu di Bandaraya New York dimana sebuah mahkamah khas ditubuhkan untuk gadis-gadis dan perempuan-perempuan yang memerlukan pertolongan. Hakim Peter M. Horn adalah orang yang bertanggung-jawab memulakan satu mahkamah yang dikenali sebagai "Girls' Term Court". Ianya akan mendengar rayuan gadis-gadis ini yang mengatakan mereka terlibat didalam aktiviti-aktiviti anti-sesial atau pelacuran dan selepas mendengar kes-kes ini mereka akan dihantar ke tempat-tempat tertentu untuk pemulihan. Pekerja-pekerja sesial akan menolong menyediakan kes untuk mahkamah ini. (23) Di Malaysia juga dapat

(22) The Lively Commerce - muka 288.

(23) P.W. Tappan - Delinquent Girls in Court, New York, Columbia University Press 1947.

kita lakukan ini. Ini dapat dilaksanakan dengan mengadakan satu "domestic court" yang akan mendengar rayuan-rayuan atau penyiasatan mengenai kes-kes yang serupa ini. Mahkamah ini, selain dari mempunyai seorang Mejisteret sebagai Pengerusi, hendaklah mempunyai dua atau tiga Penasihat lagi dan kalau bolih mereka ini hendaklah terdiri dari ahli-ahli masyarakat seperti guru-guru atau suri-rumah tangga dan mereka ini akan memberikan satu pandangan umum kepada masyarakat.

Demikian, beberapa cadangan untuk pembaharuan didalam aspek pemulihan dan haruslah disedari bahawa usaha-usaha pemulihan ini hendaklah dipergiatkan lagi demi untuk memberi pertolongan sempurna kepada mereka yang memerlukan.

PENUTUP

Kita telah memerhatikan sebab-sebab mengapa ramai gadis-gadis menjadi pelacur didalam bab-bab yang awal. Dari 50 gadis-gadis yang menjadi pelacur yang telah ditemui, analisa telah dibuat mengenai sebab-sebab ini dan sebagaimana yang diketahui kemiskinan telah merupakan satu faktur ulung didalam mengujudkan pelacuran. Selain dari kemiskinan kita dapati keadaan rumah-tangan yang tidak aman akan membawa kepada pelacuran juga akhirnya. Perkara-perkara yang macam ini sebenarnya dapat dikawal jika dikehendaki. Adalah lebih baik, kalau sekiranya untuk menghapuskan pelacuran, dihapuskan punca-punca ini kalau kawalan terhadap pelacuran hendak dibuat. Terpaksalah sedaya upaya kemiskinan masyarakat dibaiki. Hendaklah sebolih-bolihnya dikurangkan kadar pengangguran di negara ini. Dengan terdapatnya peluang-peluang pekerjaan, adalah diharapkan kadar bertambahnya pelacuran ini akan berkuarangan.

Hubungan ibubapa dengan anak-anak mereka juga harus dibaiki. Ini akan membawa faedah yang besar. Sebagaimana yang telah dilihat, banyak anak-anak gadis ini menjadi pelacur kerana kurang kasih sayang dari ibubapa dan dari sikap tidak hirau dari kedua-dua ibu atau bapa mereka. Tanggung-jawab yang terlibat diantara ayah, ibu dan anak-anak mereka adalah mempunyai nilai-nilai sosial, undang-undang dan moral. Ianya juga mempunyai nilai-nilai emosi yang penting lebih-lebih lagi bagi anak-anak yang sedang membesar. Sikap tidak hirau cilih pohak ibu apa akan menjadikan seseorang anak itu menjalani bebagai-bagai

masalah yang serious seperti 'inferiority complex' dan sebagainya. Akhirnya, kalau ianya seorang gadis, ia mungkin menjadi pelacur. Oleh yang demikian, didikan dari rumah itu juga penting.

Moral dan maruah diri haruslah terdapat ditiap-tiap hati gadis-gadis atau perempuan-perempuan dewasa ini. Ini adalah mustahak, kerana kebanyakkan dari faktur-faktur yang sudah dikaji adalah merupakan suatu alasan yang wujud bersekali dengan sebab kurangnya moral. Kalau sekiranya moral mereka ini tinggi, ianya akan menjadi faktor menghalang mereka dari menjadi pelacur pula. Oleh hal yang demikian pendidikan moral haruslah kuat dan ini haruslah disertai dengan pendidikan ugama. Ini kelak diharapkan akan dapat mengurangkan kadar perkembangan pelacuran.

Pemikiran masyarakat terhadap pelacur-pelacur juga harus diubah. Janganlah hendaknya pelacur-pelacur ini dikeji atau diktuk. Kalau mereka ingin menjalani penghidupan baru, haruslah mereka diterima. Ini akan memudahkan usaha pemulihan. Masyarakat harus bekerjasama dalam perkara ini. Kawalan undang-undang harus diperketatkan. Sebagaimana yang telah dibincarakan dengan panjang lebar didalam bab 11 mengenai dengan undang-undang, bahawa terbukti kepada kita dua sistem dalam melaksanakan undang-undang ini. Salah satu daripadanya ialah dengan mengiktirafkannya dengan cara perlesenan. Dengan ini kawalan lebih mudah dijalankan kerana pelacur-pelacur yang terdapat dikawasan-kawasan yang ditentukan adalah didaftarkan dan mendapat pemeriksaan doktor dan dengan ini dapat dikawal penyakit kelamin.

Satu lagi cara yang terdapat adalah dengan membuat peruntukan mengatakan bahawa menjadi pelacur itu adalah salah disisi undang-undang dan ianya akan dihukum kalau ditangkap. Sebagaimana yang diterangkan, kalau ini dilakukan, hendaklah pelanggan-pelanggan pun dihukum kerana mengambil bahagian. Dengan cara ini, mungkin akan dapat ditentang pelacuran secara meluas. Apa yang perlu disini ialah kecekapan dan dedikasi agensi penguatkuasa undang-undang dalam menjalankan tugas mereka. Kita harus memilih diantara dua sistem dan hendaklah bersikap tegas dalam soal ini. Tidak ada gunanya soalan undang-undang dibiaran seperti yang terdapat di masa ini kerana ianya tidak memberi pendirian yang tegas tentang pelacuran ini.

Demikian keadaan dan peluang yang baik yang terbuka dan adalah tidak mustahil untuk menjalankannya. Haruslah diingatkan bahawa bersubahat dengan yang melakukan dosa adalah juga melakukan kesalahan disisi ugama dan Tuhan.

LAMPIRAN 1

OBLIGATIONS AND RESTRICTIONS IMPOSED ON PUBLIC WOMEN

Public women, en carte, are called upon to present themselves at the dispensary for examination, once at least every fifteen days.

They are called upon to exhibit this card on every request of police officers and agents.

They are forbidden to practise the calling during daylight, or to walk in the thoroughfares until at least half an hour after the public lamps are lighted, or at any season of the year before seven o'clock, or after eleven P.M.

They must be simply and decently clad, so as not to attract attention by the richness, striking colours, or extravagant fashion of their dress.

They must wear some sort of cap or bonnet, and not present themselves bareheaded.

They are strictly forbidden to address men accompanied by females or children, or to address loud or anxious solicitations to any person.

They may not, under any pretext whatever, exhibit themselves at their windows, which must be kept constantly closed and provided with curtains.

They are strictly forbidden to take up a station on the foot-pavement, to form, or walk together, in groups, or to and fro in a narrow space, or to allow themselves to be attended or followed by men.

The neighbourhood of churches and chapels, within a radius of twenty-five yards, the arcades and approaches of the Palais Royal, the

LAMPIRAN 11

Rujukan

- (1) Acton, William, "PROSTITUTION"; FREDERICK A. Praeger, PUBLISHERS, NEW YORK, WASHINGTON 1968
- (2) Winnick, Charles & Mckinsie, Paul, "THE LIVELY COMMERCE"
- (3) Benjamin, Harry, "PROSTITUTION", The Encyclopaedia of sexual behavior, Volume 11, W.M. Heineman Medical Books Ltd (1961)
- (4) S.L. Dulekar and Kamala Rao, "A STUDY OF PROSTITUTES IN BOMBAY" Lalvani Publishing House, 2nd edition 1967
- (5) A.S. Mathur and B.L. Gupta, "PROSTITUTES AND PROSTITUTION"
- (6) F.W. Tappan, "DELINQUENT GIRLS IN COURT, NEW YORK" Colombia University Press 1947
- (7) Gibben T.C.N., "JUVENILE PROSTITUTE" - British Journal of Delinquents Volume 8, 1957 - 1958
- (8) Bassalby T.C., "PROSTITUTION IN UNITED STATE" The annals of the American Academy of Political and social Structure, Volume 376 March 1968
- (9) Bryn, James, H, "APPRENTICESHIP IN PROSTITUTION" Social Problem, Volume 12, 1965

Statut

- (1) Akta Perlindungan Perempuan dan Gadis 1973 (Akta Parlimen No. 106)
- (2) Kanun Keseksaan (FMS Cap 45)
- (3) Immigration Act 1963
- (4) Juvenile Courts Act 1947
- (5) Minor Offences Ordinance 1955
- (6) Restricted Residence Enactment FMS Cap 39
- (7) Banishment Act 1959 (Disemak 1972)
- (8) Registration of Guests Act 1965
- (9) Enakmen Pentadbiran Islam Pulau Pinang 1959